

"DARIPADA Abi Hurairah Radiallahuanhu ia berkata :
Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya :
"Barang siapa suka supaya dimakbulkan doanya oleh Allah Subhanahu
Wata'ala di waktu kesulitan dan kesusahan, maka hendaklah dia
memperbanyakkan doa di waktu senang".
(Riwayat Al-Imam At-Termizi)

BERKENAN MENGURNIAKAN SURAT WATIKAH PELANTIKAN, MENERIMA SURAT TAULIAH PELANTIKAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan dan Majlis Menyembahkan Surat-surat Tauliah Pelantikan. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 3 hingga 5)

Berangkat ke Majlis Ulang Tahun Puja Usia

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia baginda Ke-79 yang disembahkan oleh Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu (KI). - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

Oleh : Marlinawaty Hussin

JERUDONG, Ahad, 19 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia baginda Ke-79 yang disembahkan oleh Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu (KI).

>> Muka 6



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Pelita Brunei

pelitabrunei

pelitabrunei

Berita Utama

PUPUK nilai rasa tanggungjawab, pemeliharaan alam sekitar

Muka 9

PESAMBAH istimewa sempena Hari Puja Usia Kebawah DYMM Raja Isteri

Muka 11

MAJLIS Pengundian, Pemilihan Calon Ketua Kampung

Muka 18

RENCANA

PENDIDIKAN penting ke arah sifar kemiskinan

Muka 20

Membentuk akhlak mulia pelajar ukur keupayaan guru

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita bersama-sama berhimpun di Majlis Konvokesyen Kali Ke-15, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) pada pagi ini.

Beta dengan sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang akan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada hari ini sebagai tanda kejayaan mereka dalam pengajian di KUPU SB. Tidak lupa jua, setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan beta kepada para ibu bapa, penjaga dan pensyarah yang telah menyumbangkan sokongan kepada para graduan sehingga mereka beroleh kejayaan.

KUPU SB sebagai sebuah institusi perguruan ugama di negara ini, memainkan peranan amat penting dalam melahirkan modal guru. Namun perlu diingat pencapaian bukan diukur melalui akademik semata-mata tetapi juga melalui keupayaan guru-guru dalam membentuk akhlak yang mulia bagi pelajar dengan ilmu-ilmu Islam berlandaskan aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

Beta mengambil maklum dan menyambut baik usaha KUPU SB dalam memperkemas Pelan Strategiknya 2025-2029 yang

antara lain memberi penekanan kepada kecemerlangan akademik, penguasaan kemahiran dan pembentukan akhlak mulia melalui pengemaskinian struktur program dan pengisian kurikulum yang lebih relevan, yang sejajar dengan keperluan semasa.

Seiring dengan perkembangan teknologi melalui Kecerdasan Buatan (AI), KUPU SB juga sebagaimana institusi pengajian tinggi yang lain perlu bijak memanfaatkan peluang ini untuk mempertingkatkan penguasaan teknologi supaya para mahasiswa dan tenaga akademik tidak ketinggalan dalam saingan arus perdana.

Beta melihat teknologi berpotensi untuk dijadikan platform yang berkesan dalam memperkukuh kaedah pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan usaha berterusan pihak kerajaan menyebarkan ajaran ugama Islam berlandaskan aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

Walau bagaimanapun, beta ingin mengingatkan bahawa penggunaan teknologi perlu dilakukan secara berhemah supaya tidak menjejaskan nilai, adab serta etika kemanusiaan. Ia bukan sebagai pengganti peranan guru dalam pendidikan. Sesungguhnya sentuhan keramat seorang guru dalam proses pendidikan adalah tetap penting, relevan dan tidak mungkin ditukar ganti.

Selain daripada kejayaan pendidikan Islam, beta juga menyeru agar KUPU SB terus menjadi benteng kepada pelbagai aliran pemikiran tentang Islam, yang ada di antaranya, bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah. Kerana itu, beta mengingatkan KUPU SB dan seluruh warganya mesti memahami perkara ini dengan bersedia untuk menangkis segala serangan pemikiran atau ideologi baharu yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-15 yang berlangsung di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam pada Khamis, 16 Oktober 2025.

Akhirnya, beta ingin mengambil peluang merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Ahli Majlis KUPU SB, barisan pentadbiran dan pengurusan KUPU SB, di bawah pimpinan Ra'es, para pensyarah dan seluruh warga KUPU SB. Tidak lupa juga kepada para ibu bapa dan

penjaga graduan yang turut sama-sama hadir memeriahkan dan meraikan kejayaan anak-anak mereka dalam Majlis Konvokesyen Ke-15 ini.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	ISNIN	28	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
21	SELASA	29	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
22	RABU	30	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
23	KHAMIS	1 JAMADILAWAL	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
24	JUMAAT	2	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
25	SABTU	3	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.04	7.14
26	AHAD	4	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
32 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
32 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
32 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 20 OKTOBER 2025

Manfaatkan peluang mencari pekerjaan

MENYENTUH mengenai isu pengangguran sememangnya satu perkara yang sudah lama menjadi perhatian di negara ini. Setiap tahun bilangan graduan semakin meningkat sama ada yang berkelulusan dari dalam mahupun luar negara. Setentunya setiap daripada mereka ini berharap akan mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan yang mereka peroleh.

Dari Data Kajian Tenaga Kerja yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi tahun 2024 menunjukkan bahawa pertumbuhan pekerjaan terutamanya di sektor swasta mencatatkan peningkatan pekerjaan sebanyak 4 peratus berbanding peningkatan sebanyak 0.3 peratus dalam sektor awam. Menurut hasil Kajian Suku Tahunan Pemiagaan bagi tahun 2024, peningkatan dalam pekerjaan sendiri juga mencerminkan tiga peralihan ke arah aktiviti keusahawanan dan ekonomi yang dipacu oleh platform digital. Selaras dengan peningkatan pekerjaan dalam sektor swasta, data juga menunjukkan bahawa sektor swasta terus menjadi penyumbang utama kepada peluang pekerjaan. Nisbah tenaga kerja dalam sektor swasta adalah 70 peratus berbanding 30 peratus dalam sektor awam.

Kita perlu sedar bahawa usaha menangani pengangguran dan meningkatkan kecukupan tenaga kerja tidak boleh dipikul oleh kerajaan sahaja tetapi memerlukan penyertaan aktif daripada semua pihak, termasuk syarikat, institusi pendidikan, pertubuhan masyarakat, keluarga dan individu.

Acara Kemuncak Jelajah Kerjaya 2025 yang diadakan baru-baru ini bukan sahaja menjadi platform pertemuan bagi pencari kerja dan bakal majikan, malah ia juga menzahirkan semangat kolaborasi antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat dalam memperkukuh ekosistem pekerjaan yang inklusif dan mampan di Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak 105 pempamer terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta dari pelbagai sektor yang menawarkan lebih daripada 1,682 peluang pekerjaan termasuk bagi para pencari kerja dalam kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU). Manakala lebih 1,850 pencari kerja tempatan telah berkunjung ke Jelajah Kerjaya yang diadakan di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Melihat pada angka pencari kerja tempatan tersebut menunjukkan kesedaran tinggi para pencari kerja untuk mencuba nasib mencari kerja dan enggan berpeluk tubuh semata-mata mengharapkan bantuan sahaja. Sikap seperti ini menunjukkan adanya keinginan untuk berdikari, membantu keluarga, di samping mengukuhkan ekonomi ke arah kehidupan yang lebih baik.

Kita sedar jika seseorang tidak mempunyai pekerjaan atau hala tuju kehidupan yang terarah, tidak mustahil perbuatan jenayah seperti mencuri, menipu boleh saja berlaku semata-mata untuk mendapatkan wang demi memenuhi tuntutan hidup.

Oleh itu, kesedaran meningkatkan kehidupan yang lebih berkualiti dengan komitmen kerja atau berusaha dengan berniaga perlu ada dalam jiwa anak bangsa kita. Kita berharap isu pengangguran di negara ini tidak akan mematahkan semangat serta motivasi para pencari kerja. Apa yang penting mereka tetap berusaha mencari rezeki yang halal untuk diri sendiri dan juga keluarga demi meningkatkan kualiti hidup selaras dengan Wawasan Brunei 2035. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan, menerima Surat Tauliah Pelantikan



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam

(NBD) yang baru dilantik dan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan ke NBD yang baharu, hari ini.

Majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini, menyaksikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan mengurniakan

Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Adnan bin Haji Mohd. Ja'afar; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Jepun, Tuan Yang Terutama Wan Hadfi Lutfan bin Haji Abdul Latif; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Kuwait, Tuan Yang Terutama Haji Sulaini bin Haji Said; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Kapten (B) Haji Mohamad Sarif Pudrin bin Matseruddin; Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Kanada, Puan Yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan dan Majlis Menyembahkan Surat-surat Tauliah Pelantikan (atas), manakala gambar atas kiri, baginda berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan ke Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baharu.

Terutama Ang Lay Ling dan Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Republik India, Puan Yang

Terutama Siti Arnyfariza binti Haji Mohd. Jaini.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Adnan bin Haji Mohd. Ja'afar; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Jepun, Tuan Yang Terutama Wan Hadfi Lutfan bin Haji Abdul Latif; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Kuwait, Tuan Yang Terutama Haji Sulaini bin Haji Said dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Kapten (B) Haji Mohamad Sarif Pudrin bin Matseruddin (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Kanada, Puan Yang Terutama Ang Lay Ling dan Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Republik India, Puan Yang Terutama Siti Arnyfariza binti Haji Mohd. Jaini (kiri dan kanan).

>> Muka 3

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

seterusnya berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke NBD, Tuan Yang

Terutama U Sein Oo; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke NBD, Tuan Yang Terutama Heuankeo Sangsomsak; Pesuruhjaya Tinggi

Republik India ke NBD, Tuan Yang Terutama Ramu Abbagani; Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Tuan Yang Terutama Tamer Mansy dan Duta Besar Istimewa

dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD, Tuan Yang Terutama Weert Börner.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke NBD, Tuan Yang Terutama U Sein Oo; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke NBD, Tuan Yang Terutama Heuankeo Sangsomsak dan Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD, Tuan Yang Terutama Ramu Abbagani (atas kiri, atas kanan dan kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Tuan Yang Terutama Tamer Mansy dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD, Tuan Yang Terutama Weert Börner (bawah kiri dan bawah kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik (atas, atas kanan, bawah dan kanan).



>> Muka 4

Selepas Majlis Mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan dan Majlis Menyembahkan Surat-surat Tauliah Pelantikan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik serta Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu bertempat di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

Turut hadir pada majlis-majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhammad Fakhri bin Haji Mohd. Taib dan Pemangku Grand Chamberlain, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali yang juga Timbalan Setiausaha Tetap di JPM.



KEBAWAH DYMM berkenan berbual bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke NBD, Tuan Yang Terutama U Sein Oo (atas).

KEBAWAH DYMM berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD, Tuan Yang Terutama Ramu Abbagani (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu (bawah dan bawah sekali).



BERANGKAT KE MAJLIS ULANG TAHUN PUJA USIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Ulang Tahun Hari Puja Usia baginda Ke-79 yang disembahkan oleh Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu (KI). Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).

>> Muka 1

Majlis tersebut diadakan di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Jerudong Polo Club, di sini.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri.

>> Muka 7



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya (bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama kerabat diraja yang lain dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 6

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan baginda ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; serta Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Urustadbir Perkhidmatan Awam di JPM.

Sejurus keberangkatan tiba,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama kerabat diraja yang lain dijunjung bagi mengabadikan gambar kenangan bersama ahli-ahli kumpulan.

Datin Dayang Hajah Nahriah, dalam sembah alu-aluannya bagi pihak KI antara lain merafakkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri atas limpah kurnia perkenan baginda berangkat ke Majlis Sambutan Puja Usia.

Datin Dayang Hajah Nahriah turut mendoakan agar baginda dikurniakan nikmat usia yang berkat, kesihatan, keselamatan, keamanan dan kebahagiaan.

Pengerusi Kedua Kumpulan Isteri Bersama isteri-isteri Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri seterusnya menyembahkan bahawa KI telah menganjurkan beberapa aktiviti sepanjang tahun yang merangkumi pelbagai upacara keagamaan seperti acara membaca Al-Quran yang disusuli dengan Majlis Khatam Al-Quran, acara sembahyang Sunat Hajat dan Majlis Doa Selamat serta Kesyukuran.

Datin Dayang Hajah Nahriah juga menyembahkan sembah tahniah sempena Jubli Intan 60 Tahun Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dengan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berkenan memotong kek dan menerima pesambah daripada KI.

Turut disembahkan pada majlis tersebut ialah pesambah khas daripada JPM berupa Majalah Terbitan Khas 'Junjung Kasih Permaisuri', ditaja oleh DST Sendirian Berhad.

Majlis kemudian diserikan dengan tayangan video sorotan khas bertajuk 'Permaisuri Berkarisma Inspirasi Rakyat'

yang diterbitkan oleh JPM bersempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha Ke-79.

Majlis juga diserikan dengan beberapa persembahan, termasuk lagu yang digubah khas sempena Sambutan Ulang Tahun Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, 'Payung Mahkota', yang dipersembahkan oleh para anggota Kumpulan Isteri.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berjunjung ziarah bersama Ahli-ahli Kumpulan Isteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambah daripada KI dan pesambah khas daripada JPM (atas dan atas kanan).

ANTARA hadirin pada majlis berkenaan (kanan dan kanan sekali).



Memperkukuh kerjasama serantau demi kesejahteraan ummah



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

MELAKA, Ahad, 19 Oktober. - Pertemuan Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam (NBD), Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) Kali Ke-21 berlangsung hari ini, di Melaka, Malaysia.

Pertemuan dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama),

Malaysia, Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd. Na'im bin Haji Mokhtar; Menteri Hal Ehwal Ugama, NBD, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Agama Republik Indonesia, Yang Terhormat Bapak Prof. Dr. Nasaruddin Umar, M.A.;

Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam, Menteri Negara Kanan Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Yang Berhormat Prof. Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim serta Menteri Kanan, Misi Khas (Hal Ehwal Islam) Kerajaan Kemboja, Yang Berhormat Neak Okhna Datuk Dr. Othman Hassan, selaku negara pemerhati.

Selain Pertemuan MABIMS Kali

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menghadiri Pertemuan Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) Kali Ke-21 di Melaka, Malaysia.

Ke-21 dan Mesyuarat SOM Kali Ke-49, pelbagai aktiviti sampingan telah diadakan iaitu Forum Perdana Ehwal Islam Serantau; Program Komuniti 'Semanis MABIMS, Seharum Serantau'; Melaka International Halal Festival (MIHF'25); MABIMS Halal Summit 2025; dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Halal MABIMS.

MABIMS turut melancarkan Rancangan Strategik (RS) MABIMS 2026-2030 yang memperbaharui RS MABIMS 2021-2025. MABIMS berbangga dengan pencapaian yang telah dicapai sebelum ini, terutamanya dalam aspek pelaksanaan dasar, pengurusan institusi agama, penyelarasan takwim hijrah dan pembangunan sistem pengurusan halal yang semakin efisien dan

inovatif. Kejayaan ini adalah hasil daripada kerjasama serantau yang erat dalam kalangan negara anggota MABIMS.

RS MABIMS bukan sahaja menjadi panduan, tetapi juga sebagai rujukan pelaksanaan program-program MABIMS. Penganjuran MABIMS kali ini diyakini akan terus memperkukuh sinergi serantau demi kesejahteraan ummah dan masa depan yang lebih gemilang.

Komitmen yang dizahirkan adalah untuk memastikan platform MABIMS terus relevan, dinamik dan berdaya saing dalam menghadapi pelbagai cabaran, serta menjadi contoh terbaik kerjasama serantau dalam bidang hal ehwal Islam.

Pertemuan MABIMS Kali Ke-22 akan diadakan di NBD pada tahun 2027.

Turut menyertai rombongan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam ke Pertemuan MABIMS Kali Ke-21 ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, selaku Ketua SOM NBD beserta Pegawai-Pegawai Sekretariat MABIMS NBD.

KE ARAH SISTEM MAKANAN GLOBAL YANG BERDAYA TAHAN, INKLUSIF



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menghadiri The Conference on Import and Export Food Safety Cooperation of the Belt and Road 2025.

SHANGHAI, Sabtu, 18 Oktober. - The Conference on Import and Export Food Safety Cooperation of the Belt and Road 2025 yang bertemakan 'Deepen International Cooperation for Shared Trade Safety and Facilitation' telah diadakan bermula 15 hingga 16 Oktober 2025 di Shanghai, Republik Rakyat China anjuran Pentadbiran Am Kastam Republik Rakyat China (GACC).

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut menyertai delegasi tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir; Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty

binti Haji Abdul Wahab serta pegawai-pegawai dari KSSUP serta Kedutaan Besar NBD di Beijing, Republik Rakyat China.

The Belt and Road Initiative (BRI) merupakan salah satu usaha pembangunan global yang paling penting pada abad ke-21, yang dilancarkan oleh Republik Rakyat China, bagi meningkatkan keterhubungan infrastruktur, memudahkan perdagangan dan menggalakkan integrasi kewangan merentasi Asia, Afrika dan Eropah.

Berteraskan visi ini, persidangan yang diadakan di bawah kerangka BRI bertujuan untuk memperkukuh kerjasama dalam memajukan pemuudahan perdagangan timbal balik berkaitan komoditi pertanian dan agromakanan, termasuk langkah-langkah keselamatan makanan.

Persidangan ini juga berfungsi sebagai platform untuk bertukar pandangan dan amalan terbaik dalam pengurusan dasar dan pembangunan sektoral dalam

kalangan negara-negara peserta BRI.

Semasa sesi pembukaan, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengulangi komitmen kukuh NBD terhadap kerangka BRI, dengan menekankan bahawa keselamatan makanan bukan sahaja tanggungjawab negara, malah merupakan komitmen global yang dikongsi bersama.

Yang Berhormat juga menekankan kepentingan memperdalam kerjasama antarabangsa bagi memastikan perdagangan agromakanan yang selamat, lancar dan diyakini.

Selain itu, Yang Berhormat turut menekankan usaha-usaha NBD dalam memperkukuh keselamatan makanan dan perdagangan melalui penubuhan The Brunei Darussalam Food Authority (BDFA) serta penerapan Amalan Pertanian, Akuakultur dan Penternakan Haiwan yang Baik.

Peranan aktif NBD dalam inisiatif

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

ASEAN dan BRI, yang secara kolektif mengukuhkan matlamat bersama untuk memastikan makanan yang selamat, boleh dijejaki dan diyakini merentas sempadan, turut ditekankan.

Penyertaan dalam persidangan ini telah membolehkan NBD mengukuhkan kerjasama antarabangsa, melaksanakan program pembangunan kapasiti serta meneroka peluang akses pasaran baharu bagi produk pertanian dan agromakanan tempatan, sambil mematuhi piawaian dan garis panduan sanitasi dan fitosanitasi (SPS) antarabangsa.

Ini akan meningkatkan kualiti dan piawaian hasil serta produk tempatan, sekali gus menyokong pembangunan sektor pertanian dan agromakanan serta agenda pemelbagaian ekonomi negara.

Di samping persidangan tersebut, Yang Berhormat telah mengadakan pertemuan dengan Menteri dan Ahli Jawatankuasa Parti Komunis China (CPC) GACC, Yang Berhormat Sun Meijun.

Kedua-dua pihak telah mengulangi komitmen mereka untuk memperdalam kerjasama dua hala, khususnya dalam memudahkan akses pasaran yang lebih luas dan perdagangan produk pertanian, perikanan dan agromakanan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan turut menyampaikan penghargaan atas sokongan berterusan GACC dalam memudahkan eksport NBD ke Republik Rakyat China, yang mencerminkan hubungan kerjasama erat dan visi bersama para pemimpin kedua-dua negara sebagaimana digariskan dalam Kenyataan Bersama yang dikeluarkan sempena Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap.

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China pada 6 Februari 2025.

Kenyataan Bersama tersebut turut mengalu-alukan pemeteraian Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama Pertanian pada Disember 2024 yang bertujuan untuk memperkukuh, memudahkan, mempromosi dan membangunkan kerjasama dalam bidang penanaman dan pembiakan padi; ternakan dan perikanan serta meningkatkan perdagangan dan pelaburan pertanian antara kedua-dua negara.

Selaras dengan tema persidangan, NBD sekali lagi menegaskan komitmennya dalam memperkukuh dan memupuk kepercayaan serta kerjasama antarabangsa dalam tadbir urus keselamatan makanan bersama Republik Rakyat China dan semua negara peserta BRI, bagi memastikan makanan yang diperdagangkan merentas sempadan adalah selamat, mampan dan diyakini, seterusnya menyumbang ke arah sistem makanan global yang berdaya tahan dan inklusif.

PUPUK NILAI RASA TANGGUNGJAWAB, PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi



(Infokomunikasi) MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; pengarah-pengarah; pegawai-pegawai kanan; pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Kempen dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Tingkat 3, Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Abdul Raqib bin Haji Awang, diikuti dengan taklimat ringkas yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Jabatan Pengangkutan Darat, Dayang Nur Hazimatul Azimah binti Haji Hamzah.

Kempen ini adalah merupakan salah satu usaha bersepadu dalam sama-sama menyokong inisiatif JIHK dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan kebersihan dan pemeliharaan alam sekitar.

Ia juga bertujuan memupuk nilai rasa tanggungjawab yang tinggi dalam kalangan penduduk kampung dan orang awam tentang pentingnya amalan mewujudkan suasana persekitaran yang bersih dan bebas pencemaran.

Di samping itu juga, aktiviti ini turut berperanan mengeratkan silaturahim dan meningkatkan perpaduan antara warga MTIC serta penduduk setempat. Pencapaian ini jelas mencerminkan semangat kerjasama, kesedaran dan kepedulian yang tinggi terhadap kebersihan alam sekitar.

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir dan menyertai kempen Kebersihan Senegara 2025 di bawah Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan anjuran Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya di Pantai Seri Kenangan, Daerah Tutong (atas kiri dan atas).

TUTONG, Ahad, 19 Oktober. - Seramai 215 orang telah menyertai Kempen Kebersihan Senegara 2025 di bawah Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan (JIHK) anjuran Kementerian

Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya di Pantai Seri Kenangan, Daerah Tutong, hari ini.

Hadir menyertai kempen tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shahrhy bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap

KEMPEN ini adalah merupakan salah satu usaha bersepadu dalam sama-sama menyokong inisiatif JIHK dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan kebersihan dan pemeliharaan alam sekitar.



Islam melarang menghina, mencaci, merendahkan orang lain

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Oktober. - Setiap hamba perlu mengenali Allah Subhanahu Wata'ala, mempelajari sifat-sifat-Nya. Dengan begitu, ia akan menimbulkan perasaan cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang mendorong untuk melakukan amal soleh dan takut untuk melakukan perkara yang dilarang oleh-Nya.

Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa menerima taubat hamba-Nya selama mana hamba tersebut benar-benar tulus dalam taubatnya.

Demikianlah antara perkara yang disentuh daripada tazkirah yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin dari Surau Pusat Tulin Lelaki, Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik (BKN) bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Ke-203 bersempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2025.

Pengiran Ahmad Faris Ramadhani seterusnya menambah, tidak sekadar mengucapkan istighfar tetapi diiringi dengan pembuktian dengan memperbanyak amal soleh serta menjauhkan diri daripada perkara yang mendatangkan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

"Islam melarang kita untuk menghina, mencaci dan merendahkan orang lain. Sekalipun seseorang itu pernah terjerumus dalam kesilapan, namun masyarakat perlu memberi galakan kepadanya agar ia sedar dan berusaha memperbaiki diri.

"Jangan sampai mereka merasa tersingkir kerana pada hakikatnya, setiap orang yang beriman itu adalah bersaudara dan tanda sempurna keimanan seseorang itu adalah menginginkan kebaikan untuk saudaranya sebagaimana ia menginginkan kebaikan untuk dirinya sendiri," jelasnya.

Program Malam Munajat yang diadakan baru-baru ini turut disemarakkan dengan kehadiran warga kerja BKN, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Turut menyertai, jemaah daripada beberapa buah masjid dan warga kerja KHEU serta individu dari kediaman masing-masing.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pengarah BKN, JPM, Dato Paduka Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail dari Ibu Pejabat BKN, JPM, Jalan Tungku, Gadong.

Kemudian diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Komandan Pusat Al-Islah / Pemangku Penolong Pengarah Divisyen Rawatan dan Pemulihan BKN, Awang Mohamad Abu Nor Ali Shamsul bin Mohammad dari Surau Pusat Tulin Lelaki, Pusat Al-Islah, BKN.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran / Guru Bahagian Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Osmawadi bin Haji Talip dari BKN Daerah Temburong.

Selesai tazkirah, Malam Munajat disusuli dengan laungan Selawat As-Syifa beramai-ramai dipimpin oleh Ahli Jemaah Penasihat Pusat Al-Islah, BKN bersama Residen Lelaki di Pusat Al-Islah dari Surau Pusat Tulin Lelaki, Pusat Al-Islah, BKN.



ANTARA yang hadir pada Program Malam Munajat yang diadakan baru-baru ini.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Pelajaran Bahagian Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Mohd Rozaini bin Haji Abdi Manaf dari BKN Kuala Belait.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati

ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut: <http://tiny.cc/munajatkheu>.

FORUM KETENGGAHKAN PENTINGNYA MEMBUDAYAKAN SEDEKAH DALAM MASYARAKAT

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



YANG Mulia Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Forum sempena Majlis Ilmu 2025 bagi Daerah Tutong (atas), manakala gambar atas kanan, forum menengahkan tajuk 'Sedekah 360°: Mengubah Individu, Membina Masyarakat'.

TUTONG, Sabtu, 18 Oktober. - Forum sempena Majlis Ilmu 2025 bagi Daerah Tutong sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun

2025 telah diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Seminar Majlis Ilmu 2025.

Seterusnya, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ujama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani selaku Timbalan Pengerusi Bersama Seminar Majlis Ilmu 2025; Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Dr. Haji Awang Mohammed Hussain



bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad selaku Ketua Urus Setia Jawatankuasa Seminar Majlis Ilmu 2025.

Forum sempena Majlis Ilmu 2025 di Daerah Tutong menengahkan forum yang bertajuk 'Sedekah 360°: Mengubah Individu, Membina Masyarakat'. Tajuk forum berhasrat untuk memupuk sifat prihatin, empati dan peduli kepada masyarakat melalui sedekah.

Dengan membudayakan sedekah dalam masyarakat, ia boleh mengubah individu menjadi seseorang yang lebih bersyukur.

Ahli panel forum terdiri daripada Penolong Profesor Fakulti Usuluddin, UNISSA, Dr. Haji Ahmad Baha' bin Haji Mokhtar; Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, KUPUSB, Awang Hilman bin Haji Salim; dan Penguasa Da'wah dan Tabligh, Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran

Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan.

Sementara itu, bertindak selaku moderator forum ialah Pensyarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOASCIS), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Md. Majdey Zawawi.

Forum ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran lebih 570 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk pegawai kerajaan, belia, ahli akademik dan masyarakat setempat.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan dan bahagian; pegawai-pegawai kanan; pegawai dan kakitangan kerajaan; para jemputan khas; Penghulu Mukim, Ketua Kampung serta majlis perundingan kampung; belia-belia masjid, Muslimah; pihak swasta; pensyarah-pensyarah serta penuntut-penuntut dari institut pengajian tinggi.

Tingkatkan pemahaman tindakan terhadap barangan tiruan



YANG Berhormat Peguam Negara dan Pendaftar Tanda Perniagaan, Paten dan Reka Bentuk Perindustrian hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Seminar Penguatkuasaan Harta Intelek mengenai Barangan Tiruan : Kesihatan dan Keselamatan.

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Oktober. - Sempena Minggu Penguatkuasaan Harta Intelek yang disambut setiap tahun oleh Negara-negara Anggota ASEAN di bawah naungan The ASEAN Network of Intellectual Property Enforcement Experts (ANIEE), Pejabat Harta Intelek Brunei (BrulPO) telah menganjurkan Seminar Penguatkuasaan Harta Intelek mengenai Barangan Tiruan : Kesihatan dan Keselamatan yang diadakan pada 15 Oktober 2025 di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah.

Seminar ini bertujuan untuk

mengadakan sesi perkongsian kepada para usahawan dan perseorangan, khususnya daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), mengenai tindakan yang perlu diambil apabila berdepan dengan isu penjualan barangan tiruan yang menjejaskan barangan atau perkhidmatan mereka.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Peguam Negara dan Pendaftar Tanda Perniagaan, Paten dan Reka Bentuk Perindustrian, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib.

Dalam ucap tama Yang

Berhormat menekankan kepentingan harta intelek dalam menangani isu barangan tiruan, terutamanya yang berkaitan dengan kesihatan, yang boleh mendatangkan ancaman serius terhadap keselamatan orang ramai dan walaupun bilangan kes pendakwaan berkaitan harta intelek yang melibatkan produk tiruan masih rendah berbanding dengan bidang kuasa lain, usaha untuk meningkatkan kesedaran, kewaspadaan dan kesiapsiagaan penguatkuasaan masih perlu diperkukuhkan.

Ini tambah Yang Berhormat memerlukan tanggungjawab kolektif dari agensi kerajaan, sektor swasta dan orang ramai.

Yang Berhormat seterusnya menekankan adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk terus berwaspada dan memastikan Negara Brunei Darussalam kekal sebagai pasaran yang selamat bagi pengguna dan persekitaran yang adil bagi perniagaan yang sah.

Penceramah terdiri daripada BrulPO, Bahagian Keadilan Jenayah di Pejabat Peguam Negara dan diikuti penceramah jemputan dari Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Perlindungan Pengguna, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan



ANTARA yang menyampaikan ceramah.

Pelanjutan tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Oktober. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza telah dilanjutkan selama enam bulan lagi iaitu mulai 19 Oktober 2025 sehingga 18 April 2026 untuk orang ramai terus menyalurkan bantuan bagi meringankan kesengsaraan dan beban penderitaan penduduk Palestin yang terjejas di Gaza.

Pelanjutan ini termasuklah melalui platform kutipan yang tersedia di bawah tabung ini iaitu kutipan melalui SMS Brunei Prihatin yang dikendalikan oleh Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST Sdn. Bhd.), Progresif Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd.; Penyediaan tabung-tabung derma di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, bangunan-bangunan awam, gedung-gedung perniagaan serta bank-bank dengan kerjasama persatuan bank-bank dan penganjuran aktiviti-aktiviti amal bagi tujuan kutipan derma tersebut.

Kutipan keseluruhan dana tabung ini setakat 15 Oktober 2025 adalah sebanyak BND6,755,890.28.

Sebahagian daripada kutipan dana berjumlah BND1,399,545 telah digunakan bagi penghantaran bantuan kemanusiaan ke Palestin melalui *air-drop* dalam bentuk paket makanan yang siap sedia untuk dimakan yang telah dilaksanakan pada 13 hingga 15 Mac 2024. Oleh itu, baki tabung setakat 15 Oktober 2025 adalah berjumlah BND5,356,345.28.

Persatuan Undang-Undang.

Penceramah - penceramah ini telah menyampaikan pembentangan yang bernas, antara lainnya, membincangkan isu penjualan barangan / perkhidmatan tiruan di Negara Brunei Darussalam dan meningkatkan pemahaman para peserta mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap barangan tiruan.

Acara ini menghimpunkan

kira-kira 100 peserta daripada agensi kerajaan dan sektor perundangan, sekali gus memperkukuh komitmen BrulPO untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan kerjasama yang lebih erat dalam melindungi hak harta intelek dan kesejahteraan orang ramai, khususnya apabila berdepan dengan isu penjualan barangan tiruan yang menjejaskan barangan atau perkhidmatan mereka.

PESAMBAH ISTIMEWA SEMPENA HARI PUJA USIA KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BELAIT, Sabtu, 18 Oktober. - Al-Quran merupakan panduan utama umat Islam yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai petunjuk dan pedoman hidup, mengandungi keterangan yang membezakan antara kebenaran dan kesalahan.

Penghayatan terhadap bacaan dan pengamalan isi kandungannya berperanan membentuk insan

bertakwa yang menjadikan ajaran Al-Quran sebagai panduan dalam setiap aspek kehidupan.

Bagi menzahirkan rasa syukur sempena memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Ahli Jawatankuasa Takmir Bahagian Muslimah Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN)

Kampung Pandan, Kuala Belait telah melaksanakan program membaca Al-Quran sehingga khatam yang bermula sejak Januari 2025, dengan niat memohon kesejahteraan dan kesihatan berpanjangan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Majlis Khatam Al-Quran sempena memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri diadakan pagi tadi di Masjid RPN Kampung Pandan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, isteri Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Norazimah binti Haji Ramlee.

Turut hadir, isteri-isteri Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, jemputan khas serta para peserta khatam.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar

ISTERI Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran.



Usaha mengukuhkan penglibatan pelbagai pihak dalam mencapai RKN12



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat pada Program Jelajah Daerah bagi pembarigaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TEMBURONG, Sabtu, 18 Oktober. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah mengadakan Program Jelajah Daerah bagi pembarigaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12) yang berlangsung di BIBD Connects, Labu Square, Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Pada majlis tersebut, Awang Hassan Baha menjelaskan bahawa Program Pembarigaan RKN12 ini bertujuan untuk membarigakan inisiatif-inisiatif kerajaan, khususnya dalam aspek pelaksanaan dan matlamat projek-projek di bawah RKN12.

Melalui sesi pembarigaan ini jelasnya, maklumat dan penjelasan yang akan disampaikan adalah bagi memastikan semua pihak mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai usaha-usaha kerajaan dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

"Pembarigaan ini merupakan

satu platform penting untuk mengukuhkan lagi penglibatan pelbagai pihak, sama ada di peringkat kerajaan, swasta mahupun orang ramai, agar bersama-sama menyumbang dan mendukung pencapaian sasaran pembangunan negara.

"Peramba / saya juga mengambil maklum bahawa pembarigaan ini merupakan satu platform penting untuk mengukuhkan lagi penglibatan pelbagai pihak, sama ada di peringkat kerajaan, swasta mahupun orang ramai, agar bersama-sama menyumbang dan mendukung pencapaian sasaran pembangunan negara," ujarnya.

Kongsinya lagi, pelaksanaan RKN12 ini dirancang secara strategik berasaskan pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation, bagi memastikan setiap projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna, mengikut garis masa yang telah ditetapkan.

Usaha ini, tambahnya, amat penting untuk memperkukuh prasarana dan infrastruktur negara, menyediakan kemudahan asas, menyokong pertumbuhan sektor

industri dan ekonomi baharu, serta memperkasa tenaga manusia dan menjaga kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

"Sebagaimana yang dimaklumi setiap projek ini adalah hasil usaha gigih dan kerjasama erat antara semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, dengan sokongan padu daripada sektor swasta dan penduduk tempatan. Sinergi ini amat penting bagi memastikan hala tuju pembangunan negara sentiasa seiring dengan matlamat Wawasan Brunei 2035," ujarnya lagi.

Program Jelajah Daerah diadakan sebagai kesinambungan daripada Majlis Pelancaran RKN12 yang telah diadakan pada 21 Mei 2025 yang lalu dan merupakan satu inisiatif berterusan oleh MOFE bagi membarigakan perancangan RKN12 yang menjadi landasan utama dalam menyediakan pembangunan asas bagi memudahkan cara dan mendukung ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

RKN12 juga memainkan peranan penting dalam memastikan keberhasilan yang berdaya tahan ke arah menyumbang kepada industri dan ekonomi; merangsang kedayatahan fiskal; membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan selaras dengan keperluan industri dan seterusnya menyumbang kepada pengurusan dan perlindungan alam sekitar.

Sebanyak dua topik utama telah dibentangkan semasa program pembarigaan tersebut yang merangkumi topik-topik mengenai iaitu RKN12 dan Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS) dan Insentif.

Turut hadir semasa program berkenaan, Penghulu Mukim Zon 1; Pemangku Penghulu Mukim Zon 2; ketua-ketua kampung; pemangku ketua-ketua kampung; ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Temburong; Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dan pihak swasta.

dan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai yang diketuai oleh Pengawas Bahagian Muslimah Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Kampung Pandan, Dayang Hajah Hamsiah binti Haji Mohd. Husain, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan doa sebelum membaca Al-Quran, Surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas beramai-ramai.

Sementara itu, bacaan Takhtim dipimpin oleh Dayang Hajah Fatimahwati binti Haji Ahmad, Muslimah Masjid RPN Kampung Pandan, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Khatam.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Dayang Zainah binti Haji Daud, Muslimah Masjid RPN Kampung Pandan, dan diselajarkan dengan penyampaian sijil penyertaan oleh tetamu kehormat majlis kepada ketua-ketua kumpulan.

Setelah itu, majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan

Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Dayang Hajah Zaleha binti Haji Ibrahim.

Antara lain objektif majlis berkenaan diadakan adalah bagi menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Zikir.

Di samping menjadikan majlis berkenaan sebagai pesambah istimewa Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Majlis turut dihasrat bagi meraih keberkatan dan syafaat Al-Quran dengan membudayakan pembacaan Al-Quran dan menyuntik semangat cinta kepada Al-Quran dan beramal dengannya.

Selain itu, majlis berkenaan juga diharap dapat mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan para ahli kumpulan daripada pelbagai agensi di Daerah Belait.

Banci Tahunan Majikan, Pekerja Tahun 2025 akan dilaksanakan

Siaran Akhbar : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Oktober. - Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan melaksanakan Banci Tahunan Majikan dan Pekerja, Gaji, Pendapatan dan Jam Bekerja Bagi Tahun 2025 selama sebulan bermula 31 Oktober hingga 30 November 2025.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh memohon kerjasama semua entiti perniagaan, institusi swasta, koperasi, persatuan, kelab dan badan-badan berkanun di sektor swasta yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam (NBD), sama ada yang mempunyai Lesen Pekerja Asing (LPA), ataupun yang hanya menggaji tenaga kerja tempatan (tanpa pekerja asing) kecuali bagi perkhidmatan domestik / persendirian, untuk memberikan dan melengkapkan maklumat para pekerja (tempatan dan asing), termasuk majikan / pemilik / pengurus, yang masih berkhidmat dengan entiti perniagaan, institusi swasta, koperasi, persatuan, kelab dan badan-badan berkanun berkenaan sehingga 30 Oktober 2025 melalui laman sesawang www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx.

Pengguna hendaklah menggunakan akaun e-Darussalam yang berdaftar atas nama majikan / pemilik / pengurus atau mana-mana individu yang diberi kuasa oleh majikan / pemilik / pengurus.

Panduan tatacara pengisian maklumat banci juga boleh dimuat turun melalui pautan yang sama atau menerusi laman sesawang rasmi Jabatan Buruh di www.labour.gov.bn dan pautan Business Reporting System (BRS).

Pihak majikan / pemilik / pengurus adalah disarankan untuk melengkapkan sendiri maklumat banci bagi entiti perniagaan, institusi swasta, koperasi, persatuan, kelab dan badan-badan berkanun masing-masing bagi mengelakkan risiko penyalahgunaan maklumat sulit banci oleh pihak ketiga yang mungkin diamanahkan untuk melengkapkan maklumat berkenaan.

Resit Penyata yang telah dikeluarkan bagi Banci Tahunan Majikan dan Pekerja 2024 akan mansuh dan tidak lagi sah selepas 30 Oktober 2025.

Di bawah Peruntukan Akta Maklumat Pekerjaan 1974, Penggal 99 di bawah Seksyen 3 (1), semua majikan dikehendaki melengkapi borang Banci Tahunan Majikan dan Pekerja, Kadar Gaji Pendapatan dan Jam Bekerja.

Menurut Seksyen 8 (1) dalam akta berkenaan, mana-mana majikan yang sengaja menolak atau mengabaikan untuk memberikan butir-butir atau maklumat yang diperlukan pada masa yang dibenarkan, atau dengan sengaja memberikan butir-butir atau maklumat palsu; atau enggan menjawab atau dengan sengaja memberikan jawapan palsu dalam soalan yang perlu untuk mendapatkan apa-apa maklumat atau butir-butir yang dikehendaki di bawah akta berkenaan, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda sebanyak BND2,500 dan penjara enam bulan, dan jika berterusan, denda sebanyak BND50 sehari akan dikenakan.

Sokongan dan kerjasama semua entiti perniagaan, institusi swasta, koperasi, persatuan, kelab dan badan-badan berkanun di sektor swasta dalam memberikan maklumat yang dikehendaki adalah sangat diharapkan untuk kejayaan banci berkenaan.

Sebarang pertanyaan mengenai Banci Tahunan Majikan dan Pekerja, Gaji, Pendapatan dan Jam Bekerja Bagi Tahun 2025 berkenaan bolehlah dirujuk seperti berikut, iaitu Kiosk (No. 25) Perkhidmatan Banci Majikan dan Pekerja, Ruang Legar Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Buruh, Jalan Dewan Majlis atau melalui talian +673 2383006 atau +673 2380256 sambungan 1104/4503/4504; atau e-mel banci.buruh@buruh.gov.bn atau laman sesawang <http://www.labour.gov.bn>.

Kaunter perkhidmatan beroperasi pada masa-masa berikut, iaitu pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu (tidak termasuk Cuti Awam) bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 petang dan 1.45 petang hingga 3.30 petang.

MENYEMARAKKAN BUDAYA KEILMUAN ISLAM PROGRESIF, BERWAWASAN

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam semasa hadir pada Program Ambassadorial Lecture Series 2.0 dan seterusnya menyampaikan syarahan ilmiah bertajuk 'Tamadun Islam Melayu : Kesenambungan, Perubahan dan Peranan Ulama' (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Oktober. - Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menganjurkan Program Ambassadorial Lecture Series 2.0 yang telah disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Achmad Ubaedillah, bertempat di Dewan Jubli, Kampus Gadong, UNISSA.

Program berkenaan telah dihadiri oleh pegawai-pegawai utama UNISSA, pensyarah, kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi dari FPPI. Turut hadir ialah delegasi dari Program Studi Magister Pendidikan (PSMMP) Fakultas Keguruan dan

Ilmu Pendidikan, Universitas Mulawarman, Samarinda, Republik Indonesia.

Tuan Yang Terutama telah menyampaikan syarahan ilmiah bertajuk 'Tamadun Islam Melayu : Kesenambungan, Perubahan dan Peranan Ulama' yang merupakan sebahagian daripada pengisian utama bagi Kursus CM2306 : Ulama in the Malay World dan DH2105: Islamic History and Civilisation yang ditawarkan oleh Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam.

Antara inti pati yang disampaikan oleh TYT ialah mengenai peranan ulama dalam membentuk tamadun Islam Melayu dari zaman silam hingga kini. Mereka bukan hanya sekadar guru agama, malah bertindak sebagai pembimbing masyarakat,

penasihat kepada pemerintah, pentadbir sistem pendidikan Islam serta pemelihara nilai Islam selari dengan budaya masyarakat setempat.

Menurut TYT lagi, warisan keilmuan ulama serta cara mereka menghadapi pelbagai cabaran seperti penjajahan dan globalisasi. TYT juga menggesa para pelajar agar berfikir secara kritis tentang masa depan tamadun Islam Melayu, hala tuju, cabaran dan peluangnya, termasuklah kepentingan jati diri dalam membina masyarakat moden berteraskan nilai Islam.

Penganjuran program syarahan berkenaan bukan sahaja memperkukuh hubungan akademik antara NBD dan Republik Indonesia, malah menyerlahkan komitmen UNISSA dalam membina jaringan kerjasama antarabangsa dan menyemarakkan budaya keilmuan Islam yang progresif dan berwawasan.



Bantu meringankan beban mangsa banjir



YANG Dimulakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat hadir bagi menyempurnakan penyampaian sumbangan derma berkenaan.

Berita dan Foto : Ihsan Haji Mohd. Zahid Haji Mohd. Zain

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Oktober. - Sebanyak 14 buah rumah daripada tiga buah kampung di Mukim Berakas 'A', iaitu Kampung Burong Pinggai, Kampung Jaya Bakti dan Kampung Jaya Setia yang dikenal pasti mengalami banjir kilat disebabkan hujan lebat yang melanda pada tengah malam 4 Oktober 2025 lalu.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada mangsa banjir telah diadakan baru-baru ini, bertempat di Dewan Masjid Sufri Bolkiah Perpindahan Berakas.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sumbangan derma berkenaan, Yang Dimulakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Tujuan majlis berkenaan diadakan adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa banjir demi kesejahteraan mereka sekeluarga.

Majlis Khatam Al-Quran sempena Jubli Delima PDI



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

PULAIE, Sabtu, 18 Oktober. - Dalam usaha membudayakan pembacaan Al-Quran dalam kalangan pegawai dan kakitangan, selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir serta menghidupkan budaya kerja berpasukan dalam menayakan setiap program dan kerja kebajikan, Pusat Da'wah Islamiah

(PDI) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Sumber Manusia, Perancangan dan Penyelidikan menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran Pegawai dan Kakitangan PDI sempena Jubli Delima PDI, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Selawat Tafrijiyyah dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran dari Surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas yang dibawakan oleh 40 pembaca Al-Quran secara beramai-ramai.

Majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim dipimpin oleh Penolong Pegawai Ugama, Awang Mohd. Syahrol Syafiq bin Rashid dan bacaan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Da'ie (SkiPPA), Awang Abdul Mu'iz bin Haji Jahair, diikuti dengan Doa Khatam Al-Quran yang dibacakan oleh tetamu kehormat.

Majlis turut diserikan lagi dengan Dikir Marhaban dan diteruskan dengan penyampaian sijil khatam yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Perkembangan Ugama PDI, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis ini diadakan bagi memperingati perasmian PDI iaitu pada 1 Muharam 1406 Hijrah bersamaan 16 September 1985



Harga runcit komoditi makanan
utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran Pegawai dan Kakitangan PDI sempena Jubli Delima PDI (kiri), manakala gambar atas, antara yang turut hadir pada majlis tersebut.

Masihi dan telah diadakan di Dewan Persidangan, PDI, Kampung Pulaie.

Selain itu, majlis ini juga bertujuan untuk menanam sikap menyanjung dan memuliakan Al-Quran, di samping merebut ganjaran pahala yang berlipat ganda serta meraih keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ia turut menggalakkan penglibatan pegawai dan

kakitangan dalam aktiviti keagamaan agar dapat dijadikan amalan harian.

Majlis diharap dapat membantu warga PDI dalam memahami dan menghayati semua objektif yang telah digariskan dengan sempurna, khususnya dalam membudayakan pembacaan Al-Quran. Secara tidak langsung, ia juga dapat membentuk akhlak dan pekerti yang mulia warga PDI.

سردار سري

منجاوهي دان مڠهيندري صفة عجب

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكنن كلمانن كفلدن. سسوغكوهن اورغ يغ فاليع مليا دسيسى الله ﷻ ايت اياه اورغ يغ فاليع برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷻ براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

الله ﷻ برفرمان دالم سورة لقمان آية ١٨:

تفسيرن:

دان جاغله اغكاو مماليعن موكا مو درقد مانسي (كران ممدغ رنده ترهادف مريك) دان جاغله اغكاو برجالن ديومي دغن برلاكك سومبوغ، سسوغكوهن الله تيدق سوك تياف-تياف اورغ يغ سومبوغ لاكي مبعكا-بعكاكن ديرى.

جماعه يغ درحمي الله،

اكام كيت منوتوت اومتن اكر ممليكي صفة-صفة يغ ترفوجي دان ملارغ اومتن دري برصفة كجي باكي منجاني كيهكيان دان كجايان هيدوف ددنيا دان جوك داخيرة. دالم اكام اسلام، صفة عجب اتاو مبعكاكن ديرى ايت مروفاكن انتارا صفة كجي دان ترجلا.

عجب اداله ساله ساتو صفة كاكوم ترهادف ديرى سنديري، اغكوه، بوغق دان ايكو. صفة اين جوك دارتيكن سباكاي صفة مبعكاكن ديرى دغن ممريكن فغهركان يغ ترلالو برليهن ترهادف كممقوان ديرى سنديري، اومقمان راس منيغكي ديرى دالم بيدغ كعلموان، عمالن اتافون كسمقوران مورل سهيغك اد يغ سمقي كقد ساتو تاهف دمان سساورغ ايت لوف باهاوسن الله ﷻ يغ ممريكن سنتياف كبايكن دان نعمت ترسبوت. صفة عجب اين جوك مروفاكن ساتو صفة كسومبوغن يغ تربيت دالم هاتي دان تيدق ظاهير اتافون دليهت اوليه اورغ لاي.

سسوغكوهن عجب اين لاهير دالم ديرى سساورغ يغ ممقوياني هاتي دان جبوا يغ تيدق برسبه. ددالم اسلام، عجب اداله دلارغ دان برنتغن دغن شريعة. اين كران اكن وجود صفة تيدق اخلاص دان لوف كقد كاكورغن دان ككواسان الله ﷻ اوليه يغ دمكين، صفة عجب دان يغين مغهارفكن

فوجيان اتافون سانغون اورغ لاي اداله ترماسوق دالم فباكيت هاتي يغ فاتوت دسيغكرن دالم كهيدوفن سنتياف مسلم. درقد اين عمر ﷺ كاتن رسول الله ﷺ برسيدا: ثَلَاثُ مَهْلِكَاتٍ، شَحٌّ مُطَاعٌ، وَهَوًى مُتَّبَعٌ وَإِعْجَابُ الْمَرْءِ بِنَفْسِهِ.

مقصودن:

تيك فركارا يغ مميناساكن: صفة كدكوت يغ مغواساي ديرى، هاوا نفسو يغ دايكوتي دان سساورغ ايت مراسا كاكوم ترهادف ديرين سنديري. {حديث رواية الطبراني}

جماعه يغ درحمي الله،

امام الغزالي دالم كتابن سلوة الغافين تله منجلسكن بهاوا انتارا قيب سساورغ ايت ممليكي صفة عجب، انتاران:

فرتام: عجب كران صيحتن بادن. كدوا: عجب كران كقوان. كتيك: عجب كران ممقوياني عقل يغ جردس. كامقت: عجب دغن نسب اتافون كتورون. كليم: عجب كران ممقوياني اتق يغ راماي، فمبتنو دان فغيكوت. كام: عجب دغن هرتا بندا.

سسوغكوهن صفة عجب ممقوياني كسن يغ امت بوروق دالم كهيدوفن سساورغ. نيلاي كفريبادين دان شخصية مريك تيدق ملامبعن مؤمن سجاتي كران كتيغكنن ايكون سرتا تيدق موده مغاكو كلمهن دان ككورغن يغ اد قد ديرى. قرو دكتهوي، بهاوا انتارا كسن بوروق عجب ايت اياه:

فرتام: دنجي الله ﷻ كدوا: منداقت عذاب نراك قد هاري اخيرة. كتيك: كهيدوفن دسلوبوغي فيقوان. كامقت: بعكا ديرى تركولوغ عمالن شيطان. كليم: تيدق مقرأوليه توفيق دان هدايه الله ﷻ. كام: تيدق مقرأوليه كبركتن دالم هيدوف. كتوجوه: دنجي اوليه مشاركت سهيغك مباوا كقد فركادوهن. كلافن: مروسقن عقل فيكيرن دان منجاتوهكن كموليان اخلاق.

نتيجهن فراسان بعكا ديرى اتافون عجب اداله سيكف يغ سيا-سيا كران فتوه كفورا-ثوران يغ دنجي اوليه مشاركت. اوليه ايت، اسلام امت مغكالفكن اومتن اونتوق برشكور كتيك مقرأوليه نعمت اتافون كليهن اكر سلامت دري ككوفورن. الله ﷻ برفرمان دالم سورة ابراهيم آية ٧:

تفسيرن:

دان (ايغله) كتيك توهن كامو ممريتاوه (دغن سجلس-جلسن): "دمي سسوغكوهن جك كامو برشكور (ترهادف سكل نعمتك) تنتو اكو اكن منمبه نعمت ايت كقد كامو دان دمي سسوغكوهن جك كامو كوفور (ترهادف نعمت ايت) مك سسوغكوهن عذابكو ساغت كراس".

جماعه يغ درحمي الله،

اونتوق منجاوهي دان مڠهيندري ديرى كيت درقد برصفة عجب اياه دغن سنتياس مناتكن دان موبوركن صفة تواضع دان سنتياس مرندهن ديرى. صفة تواضع دافت مميقين كيت اكر سنتياس مغرمي اورغ لاي والافون كيت ممقوياني كليهن، اي اكن منجاديكن هاتي كيت سنتياس اخلاص دالم برعمال عبادته، بربوات كبايكن دان عمل كبايغن سهيغك ممبيكن كيت تيدق اكن سوك منونجوق-نونجوق اف يغ دلاكوكن.

سلاين ايت، صفة تواضع جوك منجاديكن كيت سنتياس برحاسبة ديرى، سنتياس منجاري ككورغن دان كلمهن ديرى، ماهو منريا تكورن دان نصيحت درقد اورغ لاي. ايغله، بهاوا عجب ايت مروفاكن فباكيت هاتي يغ بوليه مباوا كقد كيبنسان دان كروسقن ترهادف ديرى سنديري دان اي بوكن ساج دنجي اوليه الله ﷻ بهكن جوك تيدق اكن دسوكاي دان دحرمي اوليه مشاركة سكيليع.

اخيرن، سام-سامله كيت بردعاء سموك كيت سمو ممليكي اخلاق مليا سرتا برصفة تواضع دان ترهيندر دري صفة عجب. موده-مودهن دغن دمكين كيت سمو اكن دافت منمعي كهيدوفن يغ امان دان بهكيا ددنيا دان جوك داخيرة. آمين يا رب العالمين.

تفسيرن:

دان همبا-همبا توهن يغ مها فموره (اياله) اورغ-اورغ يغ برجالن داتس بومي دغن رنده هاتي دان اقبيل اورغ-اورغ جاهل مياقا مريك (دغن كات-كات يغ مڠهينا)، مريك منجواب دغن فركاتان يغ بايك-بايك (اونتوق مڠهيندرن دوسا). {سورة الفرقان آية: ٦٣}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَقَعْنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ الْتَائِبِينَ.


**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 09
/ 2025 – 2026 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Rental Of Automatic Scenting
Diffuser Machine For Minister's
Room, Sumbangsan Room,
And Jaringan Meeting Room At
Ministry Of Primary Resources
And Tourism For Period Of
12 Months (R)

Tarikh Buka Sebut Harga:
20 Oktober 2025

Tarikh Tutup Sebut Harga:
6 November 2025
Khamis, Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**
Pemberitahuan Sebut Harga

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0036 / 2025
Pembekalan Dakwat / Toner / Ink
Cartridges Untuk Divisyen
Perlesenan Dan Penguatkuasaan,
Jabatan Perikanan

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0037 / 2025
To Conduct Clearing And
Cleaning Of The Culvert And
Tree Cutting Works At Shrimp
Aquaculture Site,
Pangkalan Sibabau Zone 2,
Kg. Mentiri Fisheries

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0038 / 2025
To Repair And Replace Faulty
Gearbox Including Other Related
Works For BG2878 Mitsubishi
Pajero,
Department Of Fisheries

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
30 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / JKSH / BTI / 06 / 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
The Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing And
Commissioning Of Network
Infrastructure Upgrade For Site
Offices Under Ministry Of Primary
Resources And Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga:
27 November 2025,
Khamis, Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian


**JABATAN KEMAJUAN
PERUMAHAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Nama Projek:
Three (3) Years Term Contract
For General Maintenance Works
At RPN Kg Meragang,
Brunei-Muara District,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Projek:
JKP / 02 / 2025

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin,
13 Oktober 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Oktober 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas,
Bandar Seri Begawan,
BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND50.00
[Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
[Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]


**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Bilangan Tawaran:
KKE / BTM / PROC /
2025 / 1 (R)

Tajuk Tawaran :
Pembekalan Barang Gunahabis
(Consumables) Toner Mesin
Mencetak Bagi Kegunaan
Kementerian Kewangan Dan
Ekonomi Selama Satu
(1) Tahun (Retender)

Yuran Tawaran / Dokumen:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)
BND5.00 bagi yuran e-dokumen
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
21 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Pembekalan dan
Pemasangan Bulb dan Tube
Lampu Serta Aksesori Berkaitan
Selama 36 Bulan
Di Kementerian Kewangan dan
Ekonomi

Bilangan Sebut Harga:
MOFE / UPAH / T /
2025 - 2

Yuran Tawaran / Dokumen:
BND30.00
(BND5.00 e-dokumen)


**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 18 / 2025

Tajuk Tawaran:
Upgrading Works To Existing Toilet
At 1st Floor Bangunan
Jabatan-Jabatan Kerajaan
Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
28 Oktober 2025, Selasa.


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Bil. Sebut Harga:
11 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025
The Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing And
Maintenance Of POE Access
Switches For Kolej Universiti
Perguruan Ugama Seri Begawan,

Rujukan Tawaran:
JPKK / LTK2526 / T02-FSS

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perabot Pejabat
Untuk Kegunaan
Kementerian-Kementerian dan
Jabatan-Jabatan Kerajaan

Tarikh Tutup / Jam:
28 Oktober 2025 -
Selasa
(2.00 Petang)


**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

JPt / TAW / 05 / 2025 – 2026 :

To Supply, Deliver, Install And
Commission A Complete Package
Of One (1) Unit Portable
Handheld X-RAY Fluorescence
(XRF) Analyzer With Benchtop
Miller And Canopy Exhaust
Ducting With Motor
(Yuran Tawaran: BND30.00 |
Borang Tawaran: BND15.00)

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 November 2025



Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
22 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[P01/KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
23 Oktober 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
4 November 2025
(Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 040 / 2025

Nama Projek:
Kerja Membaik Pulih Pam Sungai
Burong No. 2 dan Penggantian
Injap Masuk Butterfly DN500
Di Loji Rawatan Air Layong

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
(III / IV / V Sahaja)

Kategori:
[KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
23 Oktober 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
4 November 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 042 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kesemua
Operasi Bantuan / Penyeliaan Untuk
Kerja-Kerja Rutin / Kecemasan
Termasuk Bantuan Telemetry Ke
Atas Tangki-Tangki Air dan Laluan
Paip Untuk Unit Supply Di Daerah
Brunei dan Muara Selama 36 Bulan

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 058 / 2025

Tajuk:
Laying MV Underground Cable
For Mile 4, MIS Madewa & MIS
Simpang Bengkurong (Recall)

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam KELAS 3, 4
atau 5, dalam Kategori E03 dan
mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03.

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 070 / 2025



Bilangan Tawaran:
JKBD / 2024 / SH-04

Tawaran Bagi
The Development Of A
Web-Based & Payment Portal For
Online Climate Data Purchase
(Phase 1 – Development Of
Centralized Content Management
System And Digitizing Climate
Data)

Tarikh Tutup:
Rabu, 22 Oktober 2025



Tajuk:
Construction Of New 11KV
Building For Mile 18 MIS In Tutong
District

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam KELAS 4, 5
atau 6, dalam Kategori E03 dan
mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03.

Tarikh Tutup:
28 Oktober 2025
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil, Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1, Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / TRA / 089 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Oil Filtration Services
For Selective 66Kv Transformers
For A Period Of Two Years

Tarikh Tutup:
11 November 2025
(Selasa 2.00 Petang)

Yuran Sebut Harga:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil, Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN
PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:
43 / JPD / JKSH / 2025-2026

Tajuk Projek:
Projek Supply, Delivery,
Installation, Support And
Maintenance Of IT Workstation
And Licenses For Land
Transport Department

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
21 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 12 /
2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Comprehensive Repair Of JCB
3DX Super 4WD Backhoe Loader
(BG2484) – Rectification
(Out Of Service), Hydraulic
System, Boom Refurbishment,
Tire Replacement And Towing

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Rabu,
5 November 2025



**JABATAN
PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Rujukan Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
POS / T / 31 / JPP / 2025-2026
Pembelian 100 Biji Delivery Side
Box Dan Bracket Untuk Motosikal

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPR (B) /
2025-2026

Keterangan Tajuk Sebut Harga:
Sebut harga Perkhidmatan
Pemotongan Rumput Tempoh
Satu (1) Tahun Bagi Zon 'B'
1. Sekolah Ugama Madewa
2. Sekolah Ugama Pg Muda Abdul
Malik, Bengkurong
3. Sekolah Ugama PAP Majeedah
Nuurul Bolkiah, Kilanas 4
4. Sekolah Ugama Lumapas
5. Sekolah Ugama Putat
6. Sekolah Ugama Kasat

Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1446H-1447H /
2025M-2026M

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
7 Jamadilawal 1447H /
29 Oktober 2025M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 115 / 25 - 26
BG8091 Engine Overhaul and Repair

RTB / K / 116 / 25 - 26
Supply and Delivery of Wireless
Microphone for Outside Broadcast

RTB / K / 117 / 25 – 26
Supply and Delivery of Wireless
Monitoring System Kit for OB
Facilities

Bayaran Yuran:
BND5.00 (bagi satu tajuk dan tidak
dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu bagi satu tajuk
dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
29 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang




**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(109) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero Sport,
BG4981.

Bilangan Sebut Harga:
(110) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi L 300 Diesel,
BG4983.

Bilangan Sebut Harga:
(111) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero,
BG 1238.

Bilangan Sebut Harga:
(112) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero,
BG 2001

Bilangan Sebut Harga:
(113) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan Tayar
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero,
BG 2001

Bilangan Sebut Harga:
(114) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Toyota Land Cruiser Prado,
BG 8972 (TB)

Bilangan Sebut Harga:
(115) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero,
BG 4279 (TB).

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
23 Oktober 2025
Jam 8.00 Pagi



Bilangan Sebut Harga:
(116) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan Kenderaan
Jabatan Penerangan Mitsubishi
Pajero, BG 4461.

Bilangan Sebut Harga:
(119) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Troubleshooting Fire
Alarm Panel Di Bangunan Asal Dan
Bangunan Tambahan, Jabatan
Penerangan.

Yuran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis, 23 Oktober 2025
Jam 8.00 Pagi


**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(121) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Kalendar Jabatan
Penerangan Tahun 2026 (Dinding
dan Meja)

Yuran:



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 - 2026 / 50

Tajuk Tawaran:
Provision Of Intergrated Marketing
Services For 9th Brunei December
Festival

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 30 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
(117) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Mengecat dan
Memasang Blinders Di Bilik
Sindiket, Aras 2, Bangunan Asal
Jabatan Penerangan.

Bilangan Sebut Harga:
(118) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Pintu Kaca Utama dan Pintu Kaca
Belakang Aras Lobi, Bangunan
Asal Jabatan Penerangan.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 23 Oktober 2025
Jam 8.00 Pagi



Dikenakan Bayaran BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis, 6 November 2025
Jam 8.00 Pagi



Bilangan Sebut Harga:
6 / OKTOBER / 2025 / PSB / PD.575
Membekal Perkhidmatan
Pendigitalan Bahan Rekod
Perpustakaan, Pusat Sejarah
Brunei, Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

Tarikh Tutup:
Khamis, 6 November 2025


**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN
MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM
NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)**

Atau

**Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)**

Atau

**Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)**

Bagi
Daerah Brunei dan Muara

- 1) Ketua Kampung Kawasan 2, STKRJ Rimba
- 2) Ketua Kampung Kawasan 1, RPN Rimba
- 3) Ketua Kampung Pengkalan Gadong
- 4) Ketua Kampung Beribi Kawasan 1
- 5) Ketua Kampung Beribi Kawasan 3
- 6) Ketua Kampung Mata-Mata Kawasan 1
- 7) Ketua Kampung Mata-Mata Kawasan 2
- 8) Ketua Kampung Lambak 'A'
- 9) Ketua Kampung Lambak Kiri
- 10) Ketua Kampung Manggis I Dan II
- 11) Ketua Kampung Salambigar
- 12) Ketua Kampung Kawasan 3 RPN Lambak Kanan
- 13) Ketua Kampung Perpindahan Serasa
- 14) Ketua Kampung Kawasan 1 RPN Panchor
- 15) Ketua Kampung Kawasan 5 RPN Panchor
- 16) Ketua Kampung Kawasan 1 RPN Mentiri
- 17) Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Mentiri
- 18) Ketua Kampung Sungai Lampai, Pintu Malim, Kota Batu, Pelambayan, Datu Gandhi & Sungai Matan
- 19) Ketua Kampung Puduk
- 20) Ketua Kampung Parit Dan Tumasek
- 21) Ketua Kampung Kianggeh
- 22) Ketua Kampung Tanjong Bunut
- 23) Ketua Kampung Madewa Dan Telanai
- 24) Ketua Kampung Tasek Meradun Dan Bunut
- 25) Ketua Kampung Zon 1 Kampung Ayer (Mukim Tamoi & Mukim Burong Pingar Ayer)
- 26) Ketua Kampung Zon 2 Kampung Ayer (Kampung-Kampung Di Mukim Saba, Kampung-Kampung Di Mukim Peramu, Kampung Sumbiling Lama, Kampung Ujong Klinik & Sungai Siamas)
- 27) Ketua Kampung Jerudong 'B'
- 28) Ketua Kampung Sengkurong 'B'
- 29) Ketua Kampung Tagap

Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan

Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri

Jawatan Kosong Sebagai

**Penghulu
Mukim Tingkat III - PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)**

Bagi

Daerah Brunei dan Muara

1. Penghulu Mukim Kianggeh
2. Penghulu Mukim Sengkurong

Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu
Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Brunei
dan Muara
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah
**Sabtu, 1 November 2025,
Jam 4.00 Petang.**
Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
+673 2381408 / +673 2381117



dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim dan
Kampung
Jabatan Daerah Brunei
dan Muara
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah **Sabtu,
1 November 2025, Jam 4.00
Petang** Sebarang pertanyaan
bolehlah menghubungi melalui
talian **+6732381408 /
+6732381117**



IMBASAN MINGGUAN

UPACARA Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 bagi Peringkat Daerah Temburong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

SEBAHAGIAN pelajar mengibarkan bendera kecil bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama kerabat diraja yang lain. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

PERSEMBAHAN Malam Gemilang UBD Drone Show turut diserikan dengan kehadiran pengengaruh tempatan, Awang Najib Ja'afri. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

SEBAHAGIAN daripada para hadirin Persembahan Malam Gemilang UBD Drone Show anjuran bersama Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Imagine Sdn. Bhd. (Imagine).

SEBAHAGIAN graduan pada Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Ke-15, Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

DEMONSTRASI masakan Malaysia oleh cef jemputan sempena Festival Makanan Malaysia 2025. - Foto : Siti Rokiah Abdullah.

MAJLIS PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON KETUA KAMPUNG



LAMBAK KANAN, Ahad, 19 Oktober. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Madang dan Ketua Kampung Sungai Hanching, Mukim Berakas 'B' telah berlangsung di Dewan Kemasyarakatan 1 Mukim Berakas 'B', Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, dengan menggunakan kaedah kertas undi.

Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada 17 Oktober hingga 19 Oktober lalu.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kampung Sungai Hanching, Awangku Md. 'Adl Adib Arsyad bin Pengiran Haji Bakar.

Calon tunggal bagi Ketua Kampung Madang ialah Pengiran

Mohd. Saiful Zamri bin Haji Sabtu, berusia 42 tahun. Beliau mempunyai kelulusan Sijil Penilaian Ugama Brunei (SPUB) dari Ma'ahad Islam Brunei. Pada masa ini beliau berkhidmat sebagai Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Beliau dicadangkan oleh Awang Muhammad Sulaiman bin Haji Ahmad, disokong oleh Pengiran Raub bin Pengiran Tejudin / Tajuddin selaku penyokong pertama serta Awang Isa bin Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Haji Awang Musa, selaku penyokong kedua.

Manakala Awang Muhammad Afiq Naquiyuddin bin Ali, berusia 34 tahun, merupakan calon tunggal bagi jawatan Ketua Kampung



MAJLIS Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Madang dan Ketua Kampung Sungai Hanching, Mukim Berakas 'B' berlangsung di Dewan Kemasyarakatan 1 Mukim Berakas 'B', Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).

Sungai Hanching. Mempunyai kelulusan Bachelor of Arts (Arts of Creative Technology) dari Universiti Brunei Darussalam. Pada masa ini, beliau berkhidmat sebagai Pereka Grafik di syarikat swasta.

Beliau dicadangkan oleh Awang Haji Mohd Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani, disokong oleh Awang Haji Jafri bin Haji Suhaili selaku penyokong pertama dan Awang Haji Md. Rosli bin Dato Paduka Haji Hamdani selaku penyokong kedua.

Pengiran Mohd. Saiful Zamri mendapat sebanyak 76 undian setuju, 32 undian tidak setuju dan tiada undian rosak. Manakala Awang Muhammad Afiq Naquiyuddin memperoleh 31

undian setuju, 52 undian tidak setuju dan satu undian rosak.

Hadir ke majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing selaku wakil Daerah Zon 2.

Keputusan pengundian dan pemilihan calon ketua kampung akan diadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



Mesyuarat tangani isu kes pemerdagangan orang



PEMANGKU Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei, Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP), Haji Azree bin Haji Abd. Manaf, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja bagi Anti-Pemerdagangan Orang mewakili Negara Brunei Darussalam ke The 3rd Regional Meeting of Southeast Asian National Committees Against Trafficking in Persons (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

MAKATI CITY, Sabtu, 18 Oktober. - The 3rd Regional Meeting of Southeast Asian National Committees Against Trafficking in Persons (TIP) telah berlangsung pada 7 hingga 9 Oktober 2025 di Makati City, Republik Filipina.

Negara Brunei Darussalam (NBD) diwakili oleh Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP), Haji Azree bin Haji Abd. Manaf, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja bagi Anti-Pemerdagangan Orang (JKKAPPO).

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh the Undersecretary in Charge of the IACAT, Tuan Yang Terutama Undersecretary Nicholas Felix Lopez Ty dengan disertai oleh Negara-negara ASEAN.

Mesyuarat tersebut merupakan inisiatif di antara Inter-Agency Counter-Trafficking Committees

(IACAT) dan Kedutaan Besar Netherlands di Republik Filipina sempena memperingati Ulang Tahun Ke-11 Manila International Dialogue on Human Trafficking di mana ia dikhususkan kepada Jawatankuasa - jawatankuasa Kebangsaan yang bertanggungjawab terhadap isu-isu pemerdagangan orang TIP di Negara-negara ASEAN.

Pada mesyuarat kali ini, Negara-negara ASEAN menumpukan usaha kepada membina kerjasama di peringkat serantau bagi jawatankuasa antara-agensi kebangsaan yang menangani isu pemerdagangan orang serta bertujuan untuk mewujudkan satu mekanisme serantau bagi penyelarasan dan perbincangan mengenai perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama termasuk kes pemerdagangan orang, dasar, perancangan program dan amalan terbaik.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Peranan Sedekah Dalam Pembentukan Sahsiah Murni'. Tarikh Tutup : 22 Oktober 2025
2. 'Kesan Buli Terhadap Kesihatan Mental'. Tarikh Tutup : 29 Oktober 2025
3. 'Kawal Tekanan, Lindungi Jantung Awda'. Tarikh Tutup : 5 November 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

OPERASI PANYAP DAPATI BEBERAPA KESALAHAN DI BAWAH AKTA IMIGRESEN

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Oktober. - Operasi Panyap JIPK 2025 terus giat dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bagi membendung pesalah-pesalah Imigresen di Negara Brunei Darussalam (NBD). Satu operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Panyap 2025 telah pun

dilaksanakan oleh JIPK yang menyasarkan kepada sebuah gerai jualan di Mukim Gadong 'B'.

Semasa Operasi Panyap 109/2025 dilaksanakan, pemeriksaan dijalankan ke atas dua warganegara asing dan seorang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Manakala seorang warganegara asing turut diarahkan untuk melaporkan diri ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9 (4), Peraturan Imigresen, Penggal

SATU operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Panyap 2025 telah pun dilaksanakan oleh JIPK yang menyasarkan kepada sebuah gerai jualan di Mukim Gadong 'B'.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

17, iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Bagi sebarang maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen, JIPK mengalu-alukan

orang ramai untuk menghubungi talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



Penemuan anak damit perempuan



PENEMUAN seorang anak damit perempuan yang ditinggalkan di kawasan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Kampung Kupang.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Jumaat, 18 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengesahkan telah menerima laporan melalui Talian Kecemasan Polis 993 mengenai penemuan seorang anak damit perempuan yang telah ditinggalkan di kawasan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Kampung Kupang, sekitar jam 10.00 pagi pada 17 Oktober 2025.

Menurut keterangan saksi, semasa saksi sampai di kawasan letak kereta sekolah berkenaan untuk menjemput anaknya yang menghadiri kelas tambahan, beliau terdengar bunyi tangisan dan seterusnya menemui anak damit berkenaan di dalam bakul anak damit yang telah diletakkan di atas sebuah meja di kawasan berhampiran dengan letak kereta sekolah berkenaan.

Sejurus itu, pihak sekolah segera menghubungi pihak PPDB melalui Talian Kecemasan Polis 993 untuk melaporkan penemuan berkenaan.

Anak damit perempuan berkenaan telah dibawa oleh pasukan paramedik ke Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong untuk pemeriksaan kesihatan.

Anak damit perempuan berkenaan kini dilaporkan berada dalam keadaan stabil dan telah dipindahkan ke Wad Special Care Baby Unit (SCBU), Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) bagi rawatan lanjut.

PPDB sedang menjalankan siasatan lanjut berhubung insiden berkenaan dan menyeru orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat atau menyaksikan kejadian tersebut agar tampil membantu siasatan dengan menghubungi Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah melalui Talian Kecemasan Polis 993 atau +673 2459500 sambungan 490 / 333.

Sehubungan dengan itu, pihak PPDB memohon agar ibu, bapa atau penjaga yang mempunyai kaitan dengan anak damit perempuan berkenaan tampil ke hadapan dengan segera bagi membantu siasatan dan pengurusan anak damit perempuan berkenaan dengan baik.

Dalam masa yang sama, PPDB ingin menasihatkan orang ramai agar tidak mengambil tindakan yang melanggar undang-undang dan boleh membahayakan nyawa anak damit, seperti membuang atau meninggalkan anak damit tanpa pengawasan.

Sekiranya terdapat individu yang tidak berkeupayaan untuk menjaga anak damit mereka, mereka dinasihatkan untuk menyerahkan anak damit berkenaan kepada pihak berwajib atau agensi berkaitan yang boleh memberikan perlindungan dan penjagaan sewajarnya.

meningkatkan kesedaran awam tentang pentingnya menderma darah serta memastikan bekalan darah di Hospital RIPAS sentiasa mencukupi.

Hadir sama pada kempen berkenaan, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran BSB.

Juga hadir, pegawai dan kakitangan kerajaan, wakil-wakil dari NGOs serta orang ramai yang turut memberi sokongan terhadap usaha kebajikan berkenaan.

Kempen berkenaan juga menekankan nilai kebajikan, kemanusiaan dan amalan beramal jariah, dengan setiap sumbangan darah bukan sahaja mampu menyelamatkan nyawa bahkan menjadi satu amal kebaikan yang besar ganjarannya di sisi Allah

Subhanahu Wata'ala.

Pihak JB BSB ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penderma darah atas sumbangan dan keprihatinan mereka dalam membantu memastikan bekalan darah negara berada pada tahap yang mencukupi bagi kegunaan pesakit yang memerlukan rawatan segera.

JB BSB juga berharap, kempen seumpama berkenaan akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa sebagai platform bagi memperkukuh semangat kesukarelawanan, kebersamaan dan keprihatinan sosial dalam kalangan masyarakat, khususnya warga BSB.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.



Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.pppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:

Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Meningkatkan kesedaran awam pentingnya menderma darah

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Sabtu, 18 Oktober. - Seramai 81 penderma darah tampil menyertai Kempen Derma Darah sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan (BSB) Kali Ke-55 bagi Tahun 2025 yang diadakan di Setia Point, bermula jam 9.00 pagi hingga 3.30 petang tadi.



Kempen anjuran Jabatan Bandaran BSB (JB BSB) dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) juga dibuka kepada semua kakitangan kerajaan, Badan-badan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs), penduduk tempatan serta orang ramai yang ingin turut serta menyumbang kepada usaha murni berkenaan bagi membantu mereka yang memerlukan.

Program berkenaan merupakan kesinambungan daripada kempen yang telah diadakan pada 13 Oktober lalu, sebagai salah satu inisiatif berterusan JB BSB dalam

ANTARA penderma darah tampil menyertai Kempen Derma Darah sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan Kali Ke-55 bagi Tahun 2025.



Pendidikan penting ke arah sifar kemiskinan

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

DI seluruh dunia, berjuta-juta orang masih hidup dalam kemiskinan dan kekurangan makanan. Dalam usaha untuk mencapai matlamat sifar kemiskinan dan kelaparan, pelbagai pihak memainkan peranan penting, termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Kemiskinan adalah isu sosial yang boleh menjejaskan kesihatan, kesejahteraan, keselamatan dan pendidikan.

Setiap tahun pada 17 Oktober, dunia akan memfokuskan bagi pembasmian kemiskinan yang meruncing bukan sahaja di negara-negara mundur bahkan juga di negara maju. Pada tahun ini, tema Hari Antarabangsa untuk Membasmi kemiskinan ialah menamatkan penyalahgunaan sosial dan institusi dengan memastikan penghormatan dan sokongan yang berkesan untuk keluarga. Tema ini mengiktiraf bahawa selain kesukaran memperoleh keperluan untuk kelangsungan hidup, orang yang hidup dalam kemiskinan sering menghadapi kehilangan maruah dan rasa kekitaan.

Sifar kemiskinan merupakan salah satu matlamat daripada 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Agenda Global 2023. SDGs memiliki sasaran yang lebih meluas dengan 17 matlamat, 169 sasaran dan 232 penunjuk prestasi. Matlamat SDGs ini walau bagaimanapun mesti dicapai oleh global menjelang tahun 2030.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Upacara Hafl Al-Takharruj UNISSA pada 30 Ogos 2023, baginda ada menekankan kepentingan mendukung SDGs yang termasuk matlamat 'sifar kemiskinan'.

"Seperti dimaklumi, pada hari ini Sustainable Development Goals (SDGs) atau Matlamat Pembangunan Mampan adalah agenda global yang ditekankan untuk dilaksanakan oleh setiap negara. Negara kita turut tidak ketinggalan berusaha ke arah mencapai matlamat berkenaan. Daripada 17 matlamat yang telah disenaraikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu antaranya ialah sifar kemiskinan. Kemiskinan adalah isu sosial yang boleh menjejaskan kesihatan, kesejahteraan, keselamatan dan pendidikan. Sekalipun di negara kita isu kemiskinan tidaklah sebesar di negara membangun lainnya tetapi ia tetap perlu ditangani".

Daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini menunjukkan keprihatinan baginda mengenai masalah sosial di negara

ini terutama kebajikan rakyat baginda. Walaupun isu kemiskinan tidak seperti di negara membangun tetapi kita harus berusaha untuk menangani kemiskinan sebelum ia menjadi parah. Justeru, dengan pelbagai inisiatif serta usaha-usaha daripada pihak kerajaan serta NGOs di negara ini diharap akan dapat meningkatkan ekonomi negara agar tidak terjerumus dalam kemiskinan. Rakyat perlu peka untuk terus memperbaiki kualiti kehidupan dengan berusaha melalui bidang keusahawanan, meningkatkan pendidikan serta pengalaman agar dapat menangani kemiskinan malah meneroka bidang pertanian, perikanan juga mampu mengubah nasib jika diusahakan bersungguh-sungguh. Apa yang penting ialah sikap kita sendiri untuk mengubah kualiti hidup kita.

Kepentingan Pendidikan

Salah satu usaha untuk menangani kemiskinan ialah melalui pendidikan. Pendidikan merupakan salah satu cara untuk keluar daripada jaringan kemiskinan. Dengan pendidikan, diharap akan dapat mengubah persepsi masyarakat bahawa kemiskinan boleh dihapuskan jika mempunyai pendidikan yang dapat mengubah gaya hidup.

Pendidikan merupakan hak asasi manusia yang seharusnya dapat diakses oleh seluruh rakyat tanpa merasakan ia sebagai suatu bebanan. Akses terhadap pendidikan merupakan salah satu jalan keluar dari kepompong kemiskinan kerana hanya dengan menuntut ilmu, seseorang itu dapat menjadikannya sebagai batu loncatan untuk keluar dari kesempitan hidup. Dengan ilmu yang diperoleh akan dapat menjadikan mereka berkembang maju dan sekali gus dapat mengubah pola hidup sebelum ini.

Tetapi ada sebahagian orang termasuk yang kurang berkemampuan tidak memperoleh peluang yang sewajarnya dalam pendidikan meskipun mereka juga adalah rakyat dan penduduk tetap di negara ini. Isu ini bukanlah disebabkan kerajaan tidak memberikan perhatian terhadap mereka tetapi disebabkan kurangnya kepekaan tentang pentingnya pendidikan. Tidak dinafikan kurangnya pendedahan mengenai pendidikan dalam kalangan sesebuah keluarga yang hidup dalam kesusahan akan menyebabkan generasi mereka yang seterusnya akan terus hidup dalam kemiskinan. Gaya hidup seperti ini akan berterusan jika tidak ada kesedaran untuk berusaha mengubah ke arah kehidupan yang lebih baik.

Pendidikan dan latihan kemahiran adalah kunci kepada pemberdayaan individu dan masyarakat. NGO sering melaksanakan program pendidikan yang memberi tumpuan kepada kanak-kanak, remaja dan dewasa selain menawarkan latihan kemahiran dalam pelbagai bidang seperti pertanian, perniagaan kecil dan teknologi. Ini membantu meningkatkan peluang pekerjaan dan

pendapatan, seterusnya mengurangkan kemiskinan.

Pendidikan memperbaiki kesejahteraan dan mengurangi kemiskinan secara langsung dengan cara meningkatkan produktiviti bagi penduduk miskin dan memperbaiki peluang mereka untuk memperoleh pekerjaan dengan upah yang lebih baik. Ini diharap dapat membantu meningkatkan semangat masyarakat, terutamanya golongan belia untuk berusaha bagi mencapai kejayaan dan sekali gus menyedarkan masyarakat bahawa kemiskinan itu bukan satu faktor yang menghalang mereka untuk berjaya.

Inisiatif berterusan membanteras kemiskinan

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) terus memfokuskan kepada membasmu kemiskinan dan meningkatkan mandiri serta sosioekonomi golongan-golongan sasaran. Melalui Jawatankuasa Khas Kemiskinan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial telah meningkatkan usaha untuk melaksanakan sepenuhnya Pelan Tindakan Isu Kemiskinan yang bertujuan untuk mengatasi dan seterusnya membantu warga susah untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Pelan tindakan itu bukan sahaja membantu orang-orang susah malah juga menumpukan perhatian kepada memperkasa golongan yang berisiko menghadapi kemiskinan seperti belia yang lemah pembelajaran, orang tua, orang berkeperluan khas dan cacat anggota, orang berpendidikan rendah, ketua-ketua keluarga besar dan ibu-ibu tunggal.

Selain itu, KKBS juga menyediakan lebih banyak platform bagi melibatkan belia dalam merangka dasar dan membuat keputusan bagi isu-isu yang merangkumi alam sekitar, kesejahteraan mental, pekerjaan, keusahawanan, latihan kemahiran dan kebolehlihatan imej belia di peringkat serantau dan antarabangsa;

Manakala Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di bawah JUZWAB memberikan bantuan bagi golongan asnaf berhak tanpa mengira umur. Zakat di Negara Brunei Darussalam, walau bagaimanapun, NBD hanya menetapkan enam golongan asnaf daripada lapan golongan asnaf yang berhak menerima iaitu fakir, miskin, Al-Gharimin, amil, mualaf dan ibnu sabil. Walaupun zakat ini dapat mengurangkan bebanan fakir miskin, namun ia tidak dapat untuk membasmi kemiskinan sepenuhnya.

Oleh itu, pendekatan JUZWAB adalah mengendalikan Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) sebagai salah satu langkah intervensi KHEU dalam membasmi kemiskinan di negara ini. Program ini telah dilaksanakan bermula tahun 2007 yang berperanan untuk memberi latihan kemahiran dan bimbingan

yang dilaksanakan beberapa agensi kerajaan dan swasta sebagai penyedia perkhidmatan.

Jabatan Pembangunan Masyarakat, KKBS pula melaksanakan satu bantuan skim yang dikenali sebagai Bantuan Kebajikan Bulanan iaitu satu bentuk bantuan sementara yang disediakan kepada warganegara Brunei Darussalam yang sedang menghadapi cabaran ekonomi. Tujuan bantuan ini adalah untuk meringankan beban kewangan mereka dalam tempoh tertentu supaya mereka mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk membeli keperluan sehari-hari. Skim ini juga merupakan salah satu rancangan pembasmian kemiskinan di negara ini yang merangkumi strategi dan inisiatif untuk meningkatkan daya tahan dan kemandirian ekonomi golongan sasaran agar mereka boleh keluar dari kepompong kemiskinan dan tidak bergantung sepenuhnya pada bantuan kerajaan.

Cabaran yang dihadapi negara


Ditakuti tahap kemiskinan yang bertambah akan menyebabkan meningkatnya kadar jenayah yang boleh menggugat kestabilan dan keamanan negara. Merompak, mencuri, berjudi bahkan sehingga sampai membunuh boleh saja terjadi akibat desakan hidup. Di samping itu beban negara juga akan bertambah apabila tahap kemiskinan semakin meruncing.

Untuk memperbaiki kehidupan agar bebas dari kemiskinan, awda perlu menetapkan tujuan kewangan yang jelas, tingkatkan kemahiran dan urus kewangan secara bijak. Kebijaksanaan dalam mengawal belanja adalah penting. Literasi Kewangan adalah salah satu kaedah mengurangkan kemiskinan dan seterusnya menjurus pada sifar kemiskinan dalam kalangan banyak masyarakat.

Terdapat beberapa langkah praktikal yang boleh awda ambil untuk keluar dari kemiskinan dan membina kehidupan yang lebih stabil dan sejahtera antaranya seperti meningkatkan pendidikan dan kemahiran serta mencari sumber pendapatan tambahan

Kesimpulan

Semua orang memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha mencapai sifar kemiskinan. Melalui pelbagai program dan inisiatif, menyediakan bantuan kemanusiaan, pendidikan, latihan kemahiran, sokongan kepada mereka yang bergantung kepada hasil bumi akan dapat menjana pendapatan untuk diri sendiri dan juga keluarga. Namun, usaha seperti ini memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, termasuk kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat. Dengan usaha bersama, kita dapat mencapai matlamat sifar kemiskinan, serta mewujudkan dunia yang lebih adil dan sejahtera untuk semua.



Terapkan penggunaan AI dengan bijak

Oleh : Nur Alya Irdina Haji Madali, Penempatan Mahasiswi dari Universiti Brunei Darussalam di Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

PERNAHKAH awda terfikir bagaimana sebuah mesin boleh berfikir seakan-akan seperti manusia? Kecerdasan Buatan (AI) bukanlah suatu perkara yang baharu, ia telah lama wujud dalam dunia teknologi namun tidak begitu dikenali. AI sentiasa berevolusi selaras dengan perkembangan teknologi pada masa kini.

Seiring dengan kemajuan teknologi, kemunculan Generatif AI seperti ChatGPT telah membawa satu anjakan paradigma, yang mana AI bukan sahaja boleh memproses data yang sedia ada, tetapi juga berupaya untuk menjana teks, imej, grafik dan video. Kehadiran AI membantu manusia membuat tugas harian dengan lebih mudah dengan kaedah seperti Apple Siri dan Google Gemini, membolehkan pengguna memberikan arahan melalui suara sahaja tanpa perlu mencari dan membuka aplikasi secara manual di telefon pintar. Begitu juga dengan sensor AI yang menghidupkan lampu secara automatik apabila mengesan seseorang masuk ke dalam ruangan dan pengenalan Chatbot AI untuk memudahkan berinteraksi.

AI pencetus inovasi dalam pelbagai sektor di negara ini. Dalam bidang kesihatan, pengintegrasian AI di dalam aplikasi BruHealth 5.0 menyediakan perkhidmatan kesihatan digital yang lebih cekap, serta menyimpan data-data pesakit. Dalam bidang pendidikan pula, penggunaan AI di sekolah-sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran namun, dihadkan penggunaannya agar pelajar tidak terlalu bergantung sepenuhnya kepada AI dan Plagiarism Policy yang menekankan isu

plagiarisme dalam kalangan mahasiswa mahasiswi di Universiti Brunei Darussalam.

Isu keselamatan dan privasi data

Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) merupakan badan berkanun yang mengawal selia telekomunikasi, pos dan membangunkan industri ICT, di samping melindungi kepentingan pengguna. Demi menangani isu keselamatan dan privasi data, AITI telah mengeluarkan Guide on AI Governance and Ethics for Brunei Darussalam bagi memastikan AI dibangunkan dan digunakan dengan selamat dan bertanggungjawab. Panduan ini didukung oleh tujuh prinsip utama, termasuk Data Protection and Data Governance; Security and Safety; Robustness and Reliability; Fairness and Equity; Human Centricity and Accountability and Integrity.

Selain itu, AITI juga ada melaksanakan pelbagai sesi kesedaran mengenai Personal Data Protection Order (PDPO) dengan matlamat untuk membantu institusi dan agensi mengukuhkan proses pengendalian data mereka, mencapai pematuhan, mengurangkan risiko dan memupuk budaya pengurusan data yang bertanggungjawab. Perintah Perlindungan Data Peribadi juga telah diperkenalkan untuk menangani keperluan dasar, perundangan dan rangka kerja kawal selia bagi perlindungan data peribadi.

Cabaran atau kebimbangan menggunakan AI

AI ibarat pisau bermata dua yang boleh

memberikan faedah dan selamat jika digunakan dengan bijak dan bertanggungjawab tetapi juga boleh membawa kepada keburukan jika disalahgunakan.

Penyebaran maklumat palsu suatu yang tidak asing di Negara Brunei Darussalam yang mana AI boleh digunakan untuk mencipta video atau gambar palsu bagi tujuan untuk mengelirukan dan menipu pengguna. Aplikasi AI memiliki ciri-ciri yang membolehkan pengguna memuat naik gambar seperti AI Image Generator dan dokumen peribadi yang boleh dicuri atau disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, tambahan lagi dengan wujudnya AI seperti Deepfake, yang boleh meniru atau memanipulasi wajah dan suara seseorang dalam rakaman audio, video dan foto. Apabila teknologi dan aplikasi AI disalahgunakan, penipuan dalam talian, penyalahgunaan identiti atau penyebaran maklumat palsu akan semakin berleluasa. Ini menimbulkan keraguan sama ada apa yang dihasilkan oleh sistem AI benar atau tidak.

Selain itu, sistem AI boleh memproses data dari maklumat yang diberikan oleh pengguna, terutamanya data peribadi seperti nombor kad pengenalan. Jika data ini tidak dilindungi dengan betul, ia boleh disalahgunakan oleh orang lain. AI juga boleh digunakan untuk tujuan penipuan (*scam*) seperti menjana teks penipuan yang meyakinkan untuk disebarkan melalui WhatsApp atau media sosial lain seperti Macau Scam, penyebaran mesej SMS palsu, kes Wang Ajaib dan sebagainya.

Berwaspada daripada penipuan dalam talian

Warga emas (60 tahun dan ke atas) sering terdedah dengan ancaman

penipuan dalam talian. Bagi menangani isu ini dan penyebaran maklumat palsu, AITI telah melancarkan platform Waspada.bn di laman Instagram.

Platform ini bertujuan untuk membantu orang ramai mengetahui kesahihan berita dan maklumat yang diterima melalui media sosial serta sentiasa peka dan berwaspada terhadap berita palsu dan penipuan. Platform ini juga sebagai langkah menangani penyebaran maklumat palsu yang boleh menjatuhkan maruah individu, menjejaskan reputasi organisasi dan memberi kesan negatif kepada keharmonian negara. Misalnya, video tular mengenai Wang Ajaib yang telah disunting dengan AI yang disebarkan di media sosial bagi tujuan menipu orang ramai. Oleh itu, Waspada.bn giat mendedahkan berita palsu tersebut di laman Instagram agar orang ramai berwaspada.

Selain itu, penipuan biasanya menggunakan teknik dengan memalsukan nombor telefon ketika menghubungi mangsa bagi mencuri maklumat peribadi dan kewangan. Bagi melindungi diri dari pencurian maklumat ini, pengguna hendaklah mengelakkan daripada mendedahkan maklumat peribadi awda dalam media sosial dan jangan mudah terpedaya dengan pautan-pautan yang mencurigakan yang dihantar dari WhatsApp atau SMS yang tidak dikenali tanpa diperiksa kesahihannya. Penggodam boleh memasang perisian intip dan laporan log masuk awda untuk mencuri maklumat peribadi awda. Orang ramai digalakkan untuk merujuk Waspada.bn atau saluran rasmi lain untuk mengesahkan kesahihan berita atau tawaran yang kelihatan terlalu baik untuk dipercayai.



KEMBOJA USIR 64 WARGANEGARA KOREA SELATAN TERLIBAT PENIPUAN DALAM TALIAN

PHNOM PENH, 19 Okt.- Kemboja telah mengusir 64 suspek penipuan dalam talian warga Korea Selatan, termasuk lima wanita ke negara asal mereka pada malam Jumaat, menurut kenyataan media daripada Jawatankuasa Ad-Hoc Kemboja bagi Membanteras Penipuan Dalam Talian pada Sabtu.

Menurut kenyataan tersebut, para suspek dihantar pulang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Techo di wilayah selatan Kandal dan kumpulan itu akan berdepan kumpulan undang-undang di Korea Selatan.

"Mereka diusir ke negara asal

selepas pihak berkuasa mendapati mereka terlibat dalam penipuan dalam talian," kata kenyataan itu.

Ini bukan kali pertama negara Asia Tenggara itu menghantar pulang warga Korea Selatan ke tanah air mereka, tambah kenyataan itu, sambil menyatakan bahawa sebelum ini Kemboja juga telah mengusir 180 warga Korea Selatan.

Kemboja kini sedang melancarkan operasi besar-besaran peringkat kebangsaan untuk membanteras rangkaian penipuan siber, dengan matlamat untuk mengekalkan dan melindungi keselamatan, ketenteraman awam dan kesejahteraan sosial.

Menurut Jawatankuasa Ad-Hoc Kemboja bagi Membanteras

GAMBAR yang diambil pada 18 Oktober 2025 ini menunjukkan suspek penipuan dalam talian warga Korea Selatan keluar dari sebuah bas di Lapangan Terbang Antarabangsa Techo, wilayah Kandal, Kemboja.

Penipuan Dalam Talian, negara itu telah menangkap sejumlah 3,455 suspek penipuan dalam talian daripada 20 kewarganegaraan dalam tempoh hampir empat bulan. - ©XINHUA



AI berupaya pacu pertumbuhan produktiviti global - IMF

WASHINGTON, 18 Okt. - Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menjangkakan Kecerdasan Buatan (AI) akan menjadi antara pemangkin utama kepada pertumbuhan produktiviti global, lapor Agensi Berita Emiria (WAM).

"Kami di IMF menjangkakan peningkatan nyata, namun anggaran kami berada dalam julat yang luas - peningkatan pertumbuhan produktiviti global antara 0.1 hingga 0.8 mata peratusan setahun," kata Pengarah Urusan IMF Kristalina Georgieva ketika berucap pada Mesyuarat Tahunan 2025 bertemakan 'Resilience in a World

of Uncertainty'.

Beliau berkata teknologi AI juga akan menggantikan berjuta-juta pekerjaan sedia ada, justeru pembuat dasar perlu membantu memudahkan proses peralihan.

"Bidang pekerjaan lama akan lenyap, manakala yang baharu akan muncul - seperti pakar data, jurutera teknologi kewangan, pakar pembelajaran mesin dan sebagainya.

"Fenomena perubahan ini bukanlah sesuatu yang luar biasa; ingat bagaimana kereta menggantikan kereta kuda," katanya.

Georgieva menegaskan

bahawa kunci untuk memaksimumkan manfaat produktiviti serta mengurus kesan AI ialah tahap kesiapsiagaan.

Beliau juga berkata bahawa penyelidikan IMF mendapati Republik Singapura, Amerika Syarikat dan Denmark mendahului dalam kesiapsiagaan menghadapi perubahan itu, manakala banyak negara lain masih ketinggalan.

"Sebagai saluran penyebaran amalan terbaik global, IMF akan membantu semua negara anggota, dengan tumpuan kepada pengurusan implikasi makroekonomi," katanya. - ©BERNAMA

Pakistan anggar kerugian akibat banjir sekitar US\$2.9 bilion

ISLAMABAD, 18 Okt. - Pakistan mengalami kerosakan dianggarkan bernilai US\$2.9 bilion akibat banjir besar yang menyebabkan kemusnahan di seluruh negara, menurut Menteri Perancangan, Pembangunan dan Inisiatif Khas Pakistan Ahsan Iqbal, lapor Xinhua.

Berucap pada majlis pelancaran laporan kemas kini pembangunan bulanan kementerianannya serta laporan awal penilaian kerosakan banjir pada Jumaat, Iqbal berkata satu penilaian keperluan pasca bencana yang lebih terperinci sedang dijalankan bagi menentukan jumlah sebenar kerugian ekonomi akibat bencana itu.

Beliau berkata anggaran awal kerosakan berjumlah kira-kira 822 bilion rupee (sekitar US\$2.9 bilion), termasuk 430 bilion rupee (US\$1.53 bilion) dalam sektor

pertanian dan 307 bilion rupee (US\$1.1 bilion) dalam sektor infrastruktur.

Banjir turut memusnahkan kira-kira 229,000 rumah di seluruh negara.

Selain itu, kira-kira 2,811 kilometer jalan raya, 790 jambatan, 129 bangunan awam, 2,267 institusi pendidikan, 243 kemudahan kesihatan, 1,297 kawasan komersial, serta 86 infrastruktur air termasuk loji rawatan, sumber dan takungan, turut rosak.

Menurut penilaian awal, jumlah keseluruhan kerosakan dijangka menurunkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Pakistan antara 0.3 hingga 0.7 mata peratus dalam tahun fiskal semasa (Julai 2025 hingga Jun 2026), menjadikan unjuran baharu sekitar 3.5 hingga 3.9 peratus berbanding sasaran awal 4.2

peratus.

Laporan itu turut menganggarkan kadar pengangguran meningkat kira-kira 220,000 orang akibat bencana itu.

"Dalam sektor pertanian, kami menganggarkan kerugian antara 3 juta hingga 3.4 juta guni kapas, sekitar 1 juta tan beras dan antara 1.3 juta hingga 3.3 juta tan tebu," kata Iqbal sambil menjelaskan bahawa anggaran ini bergantung pada tempoh banjir di setiap kawasan.

Beliau berkata anggaran awal ini akan menjadi panduan kepada usaha berterusan kerajaan dalam pemulihan dan pembinaan semula, dengan memberi tumpuan kepada pembaikan infrastruktur kritikal, pemulihan mata pencarian, serta meningkatkan ketahanan terhadap bencana berkaitan iklim pada masa hadapan. - ©BERNAMA

Satu lagi kematian akibat rabies di Sarawak

KUCHING, 19 Okt. - Satu kes kematian baharu akibat wabak rabies dilaporkan di Hospital Bintulu pada 12 Oktober lepas melibatkan seorang lelaki tempatan, menurut Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS).

JKNS memaklumkan dengan pertambahan kes baharu itu, kes berkaitan penularan rabies meningkat kepada lima dilaporkan dalam tahun ini.

"Pesakit berusia 29 tahun yang bekerja di sebuah ladang kelapa sawit di Sebauh, Bintulu. Pada 8 Oktober, pesakit mula mengalami gejala sakit di bahagian dada dan dimasukkan ke Hospital Bintulu pada 10 Oktober," menurut JKNS dalam kenyataan hari ini.

Menurut kenyataan itu, lelaki berkenaan mengalami hidrofobia, afasia, hipersalivasi dan kesukaran menelan semasa berada di wad hospital sebelum disahkan meninggal pada 12 Oktober, selain mempunyai sejarah digigit seekor anak anjing terbiar luka setelah digigit anjing dewasa terbiar di ladang itu 17 September lepas.

"Pesakit turut mengendalikan bangkai anak anjing terbiar tersebut yang mati beberapa hari selepas kejadian gigitan itu. Pesakit tidak mendapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan bagi luka gigitan tersebut," menurut kenyataan itu.

JKNS turut memaklumkan bagi tempoh dari 1 Januari hingga 11 Oktober tahun ini, sebanyak 16,295 kes gigitan haiwan dilaporkan di negeri ini, dengan purata 402 kes setiap minggu.

"Sebanyak 10,021 kes adalah gigitan atau cakaran kucing, 6,078 kes gigitan anjing, manakala 196 kes gigitan haiwan lain.

"Selain itu, 10,999 kes melibatkan haiwan peliharaan manakala 5,296 melibatkan haiwan terbiar," menurut JKNS.

JKNS memaklumkan empat daripada lima kes rabies dalam kalangan manusia yang dilaporkan di Sarawak pada tahun ini tidak mendapatkan rawatan setelah digigit oleh anjing atau kucing yang berisiko jangkitan rabies. - ©BERNAMA

Bandar persisiran Itali cadang tukar nama untuk atasi masalah algoritma

ROM, 18 Okt. - Dalam usaha menarik lebih ramai pelancong yang mencari destinasi percutian dalam talian, datuk bandar sebuah bandar kecil di Itali, Vallecrosia, memutuskan untuk menambah frasa 'al mare' (di tepi laut) pada nama bandar itu.

Pernyataan 'valle' dalam bahasa Itali bermaksud 'lembah', menyebabkan pelancong yang mencari pantai percutian di internet sering diarahkan ke destinasi lain yang bersaing, kata Datuk Bandar Fabio Perri, lapor agensi berita Jerman dpa.

Vallecrosia terletak di Riviera Itali, terus menghadap Laut Mediterranean dan tidak jauh dari sempadan Perancis.

"Masalahnya ialah algoritma mengkategorikan kami sebagai kawasan lembah, seolah-olah kami terletak di pedalaman," kata Perri. "Akibatnya, aliran pelawat telah beralih ke pantai di bandar jiran kami".

Pihak majlis perbandaran telah melantik beberapa firma untuk menjalankan kajian pasaran, yang menyimpulkan bahawa pertukaran nama boleh menyelesaikan masalah itu.

Majlis Perbandaran bagi kawasan berpenduduk 6,800 orang itu telah meluluskan cadangan Perri untuk menamakan semula bandar tersebut sebagai Vallecrosia 'al mare'.

Keputusan itu akan dijadikan referendum yang memerlukan undian majoriti untuk diluluskan, namun Perri menjangkakan ia akan mendapat sokongan. Bandar itu juga telah melipatgandakan tiga kali ganda bajet pelancongannya bagi tahun akan datang.

Selain penambahan pada nama, tiada perubahan lain akan dilakukan. Poskod akan kekal sama dan semua dokumen sedia ada dengan nama lama akan terus sah.

Pantai Liguria, yang menempatkan bandar-bandar seperti Sanremo dan Ventimiglia, merupakan antara destinasi percutian terkenal di Itali. - ©BERNAMA

Angka korban banjir di Mexico melebihi 70 orang

MEXICO CITY, 18 Okt. - Angka korban akibat banjir dan tanah runtuh yang berpunca daripada hujan lebat di kawasan tengah dan timur Mexico meningkat kepada 72 orang, menurut kerajaan negara itu, lapor agensi berita Sputnik/RIA Novosti.

Pihak berkuasa Mexico sebelum ini melaporkan lebih 60 kematian

manakala 65 orang masih hilang.

"Jumlah keseluruhan kematian kini mencecah 72 orang, manakala 48 dilaporkan masih hilang," kata kerajaan Mexico dalam kemas kini pada Jumaat.

Jumlah korban tertinggi dicatatkan di Veracruz dengan 32 kematian, diikuti Hidalgo 21 kematian, manakala Puebla

mencatatkan 18 kematian. Satu kematian turut disahkan di negeri Queretaro.

Lebih 12,000 anggota tentera dan pasukan penyelamat kini dikerah bagi melaksanakan operasi pemulihan kesan banjir dan tanah runtuh di seluruh negara, menurut kenyataan kerajaan Mexico. - ©BERNAMA

MERELISASIKAN KOMUNITI ASEAN AKTIF, BERSATU PADU



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Sukan Ke-8 (AMMS-8) (atas dan kanan).

HANOI, Sabtu, 18 Oktober. - Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Sukan Ke-8 (AMMS-8) telah diadakan bermula 16 hingga 17 Oktober 2025 di Ha Noi, Republik Sosialis Viet Nam.

Hadir pada mesyuarat tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh para Menteri ASEAN yang bertanggungjawab dalam hal ehwal sukan serta wakil, bersama-sama dengan Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti Sosio-Budaya (ASCC). Timor-Leste juga hadir sebagai pemerhati.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Van Hung dan menjadi wadah penting bagi ASEAN serta para pihak berkepentingan dalam bidang sukan untuk bertukar pandangan, membincangkan dasar, serta memperkukuhkan kerjasama ke arah merealisasikan Komuniti ASEAN yang aktif dan bersatu padu.

Menteri-menteri mengiktiraf kejayaan pelaksanaan Rancangan Kerja ASEAN mengenai Sukan 2021-2025 dalam memperkasa kesedaran, budaya dan perpaduan ASEAN melalui inisiatif sukan serantau.

Mereka turut menghargai kemajuan yang dicapai di bawah Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Mengenai Sukan (SOMS) serta sumbangan daripada Negara-negara Anggota ASEAN, Rakan Dialog dan institusi rakan kerjasama.

Mesyuarat tersebut turut menegaskan bahawa kerjasama dalam bidang sukan terus menyokong Wawasan Komuniti ASEAN 2025 dan Pelan Induk Komuniti Sosio-Budaya ASEAN.

Dalam menggariskan Wawasan Brunei Darussalam bagi Rancangan Kerja Sukan ASEAN 2026-2030, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sokongan Negara Brunei Darussalam



terhadap tujuh bidang keutamaan yang dicadangkan serta menekankan kesesuaiannya dengan Wawasan Komuniti ASEAN 2045 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Yang Berhormat juga menekankan kepentingan diplomasi sukan dalam memperkukuhkan persahabatan, perpaduan dan identiti bersama ASEAN. Yang Berhormat turut menyeru agar penekanan yang sama diberikan terhadap aspek perlindungan dan integriti dalam dasar sukan, bagi memastikan penyertaan dalam sukan kekal selamat, inklusif dan beretika, khususnya bagi golongan belia, wanita dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Susulan AMMS-8, Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Campur Jepun Mengenai Sukan Ke-5 telah diadakan, yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Republik Sosialis Viet Nam dan Pesuruhjaya Agensi Sukan Jepun, Tuan Junichi Kawai.

Mesyuarat tersebut mengulangi komitmen untuk memperkukuhkan kerjasama dalam pertukaran sukan, latihan dan penglibatan belia.

Sementara itu, Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Campur China Mengenai Sukan Ke-2 turut diadakan dan dipengerusikan bersama oleh Menteri Kebudayaan, Sukan dan

Pelancongan Republik Sosialis Viet Nam dan Timbalan Menteri Sukan, Pentadbiran Am Sukan Republik Rakyat China, Tuan Li Jing.

Mesyuarat ini menegaskan hasrat bersama untuk mempertingkatkan pembangunan kapasiti serta memupuk program kerjasama dalam pembangunan sukan, yang menyumbang kepada perpaduan serantau dan pengukuhan hubungan rakyat dengan rakyat melalui sukan.

Hadir bersama Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam.

Bersama sertai King's Baton Relay Run

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Oktober. - Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa King's Baton Relay Run (KBR) akan berlangsung di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Ahad, 9

November 2025, sebagai sebahagian daripada persediaan menuju Glasgow 2026 Commonwealth Games.

Acara penting berkenaan disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

King's Baton Relay di NBD akan menjadi satu sambutan yang memberi inspirasi kepada sukan, budaya dan pemeliharaan alam sekitar. Ia mencerminkan komitmen negara terhadap nilai Komanwel dan usaha berterusannya untuk melibatkan belia, menggalakkan gaya hidup sihat dan melindungi alam sekitar.

King's Baton akan dilukis dan dihiasi oleh seorang artis tempatan, Awang Abdul Ajihi bin Haji Terawih dari Dewan Bahasa dan Pustaka, NBD yang mempamerkan warisan seni negara dan budaya NBD sebagai sebahagian daripada perjalanan baton antara bangsa.

Acara utama bagi NBD ialah KBR, yang akan berlangsung di sepanjang Bandar Seri Begawan. Peserta KBR termasuk persatuan sukan jemputan akan berpeluang memegang King's Baton semasa larian berkenaan.

Pendaftaran akan dibuka kepada orang ramai mulai Ahad, 19 Oktober 2025. Peserta yang berminat boleh mendaftar dengan melengkapkan borang dalam talian yang boleh diakses melalui Kod QR yang disertakan.

Penyertaan adalah percuma dan tempat adalah terhad. Orang ramai digalakkan untuk mendaftar awal untuk

Mengeratkan silaturahim melalui sukan badminton



SESI bergambar ramai pada Perlawanan Badminton Persahabatan berkenaan.

Berita dan Foto : Ihsan Pasukan Bulu Tangkis Harmoni

SERIA, Sabtu, 18 Oktober. - Pasukan Bulu Tangkas Harmoni (PBT Harmoni) yang diketuai oleh Awang Haji Jofri bin Haji Sahat telah mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan dengan Pasukan Liang Lumut Recreation Club (LLRC) pada 17 Oktober 2025.

Awang Erwandy bin Haji Reduan selaku

Ketua Pasukan Open & Mixed Double Team, manakala Awang Md. Asmadi bin Haji Ismail pula selaku Ketua Pasukan Veteran LLRC.

Perlawanan berkenaan berlangsung baru-baru ini di Dewan LLRC, Setia yang bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim antara kedua-dua buah pasukan.

menjadi sebahagian daripada pengalaman sekali seumur hidup berkenaan.

Semua peserta yang berdaftar akan menerima Sijil Penyertaan dan kemeja 'T' eksklusif King's Baton

Relay.

Selepas larian berkenaan, King's Baton akan dibawa ke Pantai Meragang pada Isnin, 10 November 2025, bagi memperingati hari pembersihan plastik.

The Golden Amazing Race : Tingkatkan keyakinan diri warga emas

>> Muka 24

Naib johan pertandingan disandang oleh Kumpulan 1 yang menamatkan cabaran dalam masa 33 minit 1 saat, dengan menerima wang tunai sebanyak BND400, hadiah barang-barang elektronik bernilai BND300 tajaan BIBD, sijil penyertaan, pingat, barangan elektronik sumbangan Whatever Accessories dan baucar dari Dynamic Sports.

Manakala, tempat ketiga pula dimenangi oleh Kumpulan 11 yang menamatkan cabaran dalam masa 33 minit 49 saat, membawa pulang wang tunai sebanyak BND300, hadiah barang-barang elektronik bernilai BND300 tajaan BIBD, sijil penyertaan, pingat, barangan elektronik sumbangan Whatever Accessories dan baucar dari Dynamic Sports.

Pertandingan The Golden Amazing Race dianjurkan oleh

JAPEM dengan kerjasama PPB serta disokong oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Muzium-Muzium dan Pusat Sejarah Brunei.

Selain itu, agensi-agensi swasta yang turut memberikan sokongan ialah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Progresif Sdn. Bhd., Whatever Accessories, Syarikat FS Create, Hua Ho Department Store Kiulap, D'Sunlit

Sdn. Bhd., Gardenia Food Industries, Dynamic Sports, Syarikat Modessa dan Sennet Technologies.

Inisiatif ini diharap dapat memperkukuh integrasi warga emas dan belia, mengeratkan persefahaman antara generasi serta menyokong komitmen antarabangsa dan serantau dalam menghadapi peluang dan cabaran penuaan abad ke-21, sekali gus mempromosikan pembangunan

Oleh : Aimi Sani

masyarakat untuk semua peringkat umur.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, pegawai-pegawai kanan dari KKBS, pengurus-pengurus Pusat Kegiatan Warga Emas seluruh daerah, agensi swasta dan rakan-rakan strategik.



ePaper Pelita Brunei



1,500 PESERTA MERIAHKAN WALKATON SAMBUTAN HARI GURU KE-35



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyempurnakan pelancaran pelepasan Walkaton anjuran kolaborasi bersama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Oktober. - Kira-kira seramai 1,500 peserta telah memeriahkan acara Walkaton bersempena Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025 yang telah berlangsung pagi tadi di Taman Mahkota Jubli Emas, di sini. Pelancaran pelepasan

Walkaton anjuran kolaborasi bersama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) tersebut disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh. Terdahulu, Yang Berhormat

Menteri Pendidikan bersama para peserta telah melakukan sesi pemanasan badan dan kemudiannya memulakan berjalan kaki kira-kira 3 kilometer di kawasan ibu negara yang bermula dan berakhir di kawasan taman berkenaan.

Acara Walkaton tersebut adalah merupakan salah satu aktiviti riadah sukan bagi memeriahkan dan

menyemarakkan Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025.

Tujuan acara ini diadakan ialah untuk memperkukuh hubungan silaturahim dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan, KHEU serta masyarakat umum.

Selain itu, acara ini juga diharap dapat menyumbang ke arah peningkatan kesejahteraan emosi, mental dan sosial para peserta sekali gus menyokong hasrat negara ke arah 'Cara Hidup Sihat' serta memeriahkan lagi suasana Program Bandarku Ceria.

Di samping acara Walkaton, pada tahun ini juga diadakan Acara Sukan Ria bersempena dengan Hari Keluarga Kebangsaan Tahun 2025, anjuran Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Pendidikan Swasta dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Acara yang terbuka kepada warga Kementerian Pendidikan dan orang awam ini telah menampilkan pelbagai aktiviti menarik serta pemeriksaan kesihatan.

Aktiviti-aktiviti tersebut dikendalikan oleh beberapa buah sekolah kerajaan dan swasta serta Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dengan tujuan untuk memberi manfaat kepada para peserta dari segi kesihatan dan kesejahteraan.

Objektif utama penganjuran acara itu antaranya adalah untuk mengeratkan dan meningkatkan hubungan kekeluargaan serta silaturahim dalam kalangan pemimpin sekolah, guru, ibu bapa, pelajar, kakitangan sekolah dan seluruh warga Kementerian Pendidikan.

Turut hadir semasa acara Walkaton tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, Rektor, Ra'es, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai, pemimpin-pemimpin sekolah, guru-guru dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan dan KHEU.

Acara Walkaton dianjurkan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan selaku Jawatankuasa Acara-acara Sukan bagi Sambutan Hari Guru Ke-35, Tahun 2025.

The Golden Amazing Race : Tingkatkan keyakinan diri warga emas



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada The Golden Amazing Race (kiri), manakala gambar kanan, antara kumpulan yang mengambil bahagian pada pertandingan tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Oktober. - Satu pertandingan rekreasi dan cabaran berpasukan yang dinamakan The Golden Amazing Race telah diadakan hari ini bersempena dengan Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2025. Pertandingan berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja dan sekitar kawasan Bandar Seri Begawan.

Dengan bertemakan 'Warga Emas Menggerakkan Tindakan Kebangsaan dan Global : Ke Arah Penuaan Berjaya dan Sinergi Antara Generasi' (Older Persons Driving Local and Global Action : Towards Successful Ageing and Intergenerational Synergy), pertandingan ini bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri warga emas, menggalakkan kerjasama serta interaksi positif

antara warga emas dan golongan belia, mengukuhkan hubungan kekeluargaan serta menyokong konsep *active aging* ke arah kehidupan yang lebih produktif dan berkualiti.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Sebanyak 13 kumpulan (empat peserta setiap kumpulan) telah menyertai pertandingan ini yang terdiri daripada golongan warga emas, belia berumur 18 tahun hingga 35 tahun dan dua orang individu daripada pelbagai peringkat umur.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa yang dipimpin oleh Guru Ugama, Kompleks Rumah Kebajikan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Awang Haji Nordin bin Haji Durahman.

Sebelum pertandingan bermula, para peserta diberikan taklimat keselamatan dan seterusnya menjalani sesi senaman ringan yang diketuai oleh Jurulatih Jasmani dari Pusat Pembangunan Belia (PPB), Sarjan Mohd. Shahfizy bin Haji Ramli.

Lebih daripada 100 peserta telah menyertai sesi pemanasan badan tersebut. Cabaran ini melibatkan pelbagai aktiviti fizikal dan interaktif di lapan *checkpoint*

antaranya cabaran ujian rasa dan bau, kuiz spontan yang merangkumi dua aktiviti iaitu menyusun enam rangkap pantun, permainan Sahibba, cabaran *puzzle* serta cabaran keseimbangan menggunakan bola atau cawan.

Para jemputan turut berpeluang meninjau setiap *checkpoint* dan menyaksikan dengan lebih dekat semangat serta keakraban peserta dalam melaksanakan cabaran yang diberikan. Pertandingan ini diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh tetamu kehormat.

Kumpulan 6 muncul sebagai johan pertandingan dengan catatan masa 32 minit 18 saat, membawa pulang wang tunai sebanyak BND500, hadiah barang-barang elektronik bernilai BND500 tajaan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), sijil penyertaan, pingat, barangan elektronik sumbangan Whatever Accessories dan baucar dari Dynamic Sports.

>> Muka 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

WUJUDKAN DUNIA YANG ADIL DAN SEJAHTERA UNTUK SEMUA